



● BIL 269 ● 5 - 11 JULAI 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my

matrikulasi **REFORMASI PENDIDIKAN** *untuk semua* >> 2-3



**Memburu makanan
di Pulau Pinang**

>> 7

**Bahana keracunan
makanan**

>> 9-11

**Ancaman kepada
ekosistem**

>> 12-13

Terus perkasa sistem pendidikan negara

Langkah berani perlu dilaksanakan

SYED HAZIQUE

GOLONGAN pelajar merupakan aset masa hadapan negara yang penting dan perlu dijaga dengan sebaik-baiknya agar tiada yang tercicir.

Pensyarah Kanan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, **Profesor Madya Dr Mohd Nazri Abdul Rahman** berkata beliau menyokong keputusan kerajaan menawarkan peluang melanjutkan pengajian di peringkat matrikulasi kepada semua pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang mendapat keputusan 10A ke atas tanpa mengira kaum.

Menurut **Mohd Nazri**, langkah berani itu juga perlu dilaksanakan bagi terus memperkasa sistem pendidikan negara.

"Kalau boleh kita tidak mahu seorang pun pelajar cemerlang yang tercicir kerana mereka ibarat permata yang mampu menyinari kepada negara.

"Negara tidak boleh membazirkan pelajar-pelajar cemerlang yang cerdas dan berpotensi tinggi ini kerana mereka adalah peneraju yang mengubah bukan sahaja keluarga bahkan nasib negara

suatu hari nanti," katanya ketika dihubungi *Wilayahku* baru-baru ini.

Sementara itu, tambahnya, hak orang Melayu juga terus dikekalkan seperti termaktub dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan yang melibatkan kedudukan istimewa orang Melayu serta kaum Bumiputera di Sabah dan Sarawak.

"Kita juga dapat lihat kerajaan masih terus mengekalkan kuota

Bumiputera bagi pelajar-pelajar Melayu untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi.

"Sehubungan dengan itu, tidak timbul sebarang polemik keputusan yang menggugat peluang pelajar Melayu untuk menyambung pengajian," ujarnya.

Di samping itu, jelasnya, kerajaan boleh menambah baik kuota atau sistem pengambilan pelajar agar tiada pelajar cemerlang yang tersisih.

"Pada pandangan saya, mungkin kerajaan boleh menambah bilangan pelajar dan pada masa sama mengekalkan peratus kuota pengambilan pelajar tersebut.

"Ia sekali gus mampu membuka peluang lebih ramai pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke



HAK orang Melayu terus dikekalkan seperti termaktub dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

peringkat lebih tinggi terutamanya pelajar-pelajar yang tinggal di luar bandar atau kurang berkemampuan yang mampu mengubah nasib keluarga mereka," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Nazri turut menegaskan, masih ada banyak peluang lain yang terbuka luas kepada pelajar-pelajar yang gagal mendapat tempat di

matrikulasi.

"Kepada pelajar-pelajar yang gagal mendapat tempat, usah berputus asa, masih banyak lagi peluang yang boleh diambil seperti kemasukan ke tingkatan 6 premium.

"Semua pihak perlu memainkan peranan untuk memberi penekanan atau membantu pelajar-pelajar ini

untuk terus menyambung pengajian agar tiada pelajar cemerlang yang tercicir," tegasnya.

Dalam pada itu, Mohd Nazri meminta agar isu kuota tersebut tidak dipolitikkan dan menasihati semua pihak agar bekerjasama dalam membantu pelajar-pelajar yang merupakan aset masa hadapan negara. 📌

Cadang Kolej Tingkatan 6 jadi matrikulasi

GABUNGAN Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) mencadangkan Kolej Tingkatan 6 dinaik taraf menjadi matrikulasi sebagai usaha menambah bilangan penuntut selari dengan perubahan dasar berkenaan.

Presidennya, **Mohd Fazreen Ismadi** berkata cadangan tersebut dilontarkan berikutan peluang pendidikan kepada semua pihak telah tersedia namun menghadapi perbezaan daripada aspek kedudukan populasi dan sosioekonomi.

"GPMS cadangkan ditambah Kolej matrikulasi melalui apa juga mekanisme antaranya angkat Kolej Tingkatan 6 sebagai matrikulasi.

"Penyertaan lebih ramai pelajar bukan Bumiputera dalam program matrikulasi boleh memberi kesan seperti peningkatan persaingan akademik, namun juga menyediakan peluang untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan persefahaman antara kaum," katanya kepada *Wilayahku* pada Rabu.

Menjelaz lanjut Mohd Fazreen menegaskan untuk memastikan pelajar Bumiputera terus mendapat sokongan, kerajaan tidak boleh berkompromi terhadap sistem kuota yang sudah termaktub selain perlu



GPMS mencadangkan Kolej Tingkatan 6 dinaik taraf sebagai usaha menambah bilangan penuntut.

terus menyediakan bantuan kewangan dan akademik serta memastikan akses kepada institusi pendidikan alternatif.

"Program bimbingan dan inisiatif yang memfokuskan kepada meningkatkan keupayaan pelajar Bumiputera juga penting untuk memastikan mereka tidak ketinggalan dalam mencapai kecemerlangan pendidikan.

"Kuota Bumiputera sudah pasti tidak boleh dikurangkan mahupun diganggu gugat. Bagi mengimbangi perkara ini, sekiranya terdapat tambahan peningkatan pelajar bukan Bumiputera maka angka yang sama perlu ditambah dalam kuota Bumiputera," katanya.

Ujarnya, kemasukan pelajar

bukan Bumiputera boleh berdasarkan kepada kombinasi prestasi akademik dan keperluan sosioekonomi selain kerajaan perlu memastikan bahawa mereka yang benar-benar layak dan memerlukan bantuan untuk mendapat peluang ini.

Tambah beliau, menerusi langkah berkenaan, peningkatan interaksi dan persefahaman antara pelajar dari pelbagai latar belakang etnik dapat diperkasakan secara langsung.

"Ini juga merupakan satu mekanisme yang boleh meningkatkan persefahaman antara kaum dan mengurangkan prejudis serta stereotaip perkauman yang semakin membarah.

"Dengan lebih banyak

interaksi antara kaum, pelajar dapat mengembangkan rasa kebersamaan dan identiti kebangsaan yang lebih kuat melebihi identiti etnik," katanya.

Menurut Mohd Fazreen, untuk jangka panjang, sistem pendidikan Malaysia harus berkembang dengan mengimbangi pemeliharaan hak Bumiputera dan menggalakkan pendekatan inklusif berasaskan merit.

"Ini boleh dicapai melalui dasar yang menetapkan kuota yang fleksibel, bantuan kewangan yang menyeluruh dan penilaian akademik yang adil.

"Rangka kerja yang diperlukan termasuklah kurikulum yang menekankan kepelbagaian budaya, program bimbingan untuk pelajar yang memerlukan dan penambahan kapasiti institusi pendidikan alternatif. Langkah ini akan memastikan semua kumpulan mendapat peluang yang sama tanpa mengorbankan hak Bumiputera," ujarnya.

Beliau turut mencadangkan agar sekolah rendah dan menengah perlu dijadikan satu aliran bagi memastikan perihai pendidikan ini mula diselaraskan tanpa meninggalkan mana-mana pihak. 📌

Reaksi rakyat

"KITA perlu menjaga pelajar-pelajar cemerlang kerana mereka adalah masa hadapan negara.

"Saya juga harap usaha sama antara Kementerian Pendidikan (KPM) bersama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mampu memberikan penempatan untuk pelajar-pelajar cemerlang ini.

"Kita tidak mahu kemahiran serta bakat-bakat anak muda ini terus dibiarkan begitu sahaja."

Luqman Ridhwan Mohamed Nor

"SAYA harap, tiada pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) diketepikan atau tidak mendapat peluang.

"Namun saya juga yakin, masih banyak peluang lain yang ada menanti pelajar-pelajar cemerlang ini.

"Walau bagaimanapun, saya harap tiada pihak yang mengambil kesempatan berhubung isu ini dan tidak dipolitikkan mengenainya.

"Bersama-samalah kita bergerak ke arah negara yang lebih maju, demi kepentingan dan juga masa hadapan negara yang lebih cerah."

Muhammad Ijlal Abu Bakar

Libat tokoh pelbagai bidang

Wujudkan jawatankuasa dasar baharu

AZLAN ZAMBRY

KERAJAAN MADANI dicadangkan untuk menubuhkan Jawatankuasa Khas Nasional Matrikulasi bagi memantau dasar baharu yang memberikan lebih peluang kepada pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk melanjutkan pengajian di peringkat matrikulasi.

Pensyarah Kanan Jabatan Sains Politik, Pentadbiran Awam dan Kajian Pembangunan Universiti Malaya (UM), **Dr Mohamad Tawfik Yaakub** berkata jawatankuasa tersebut perlu dianggotai oleh pelbagai tokoh latar belakang pendidikan dan pelbagai bidang termasuklah Ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang untuk memantau pelaksanaan dasar baharu berkenaan.

“Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga boleh mewujudkan jemaah Naziran yang berperanan sebagai urus setia pelaksanaan perubahan dasar berkenaan dan menasihatkan kementerian dari semasa ke semasa bagi menangani isu-isu yang timbul daripada pelaksanaannya.

“Di samping itu, laporan prestasi pelajar matrikulasi boleh dibentangkan di Parlimen bagi dua tahun pertama pelaksanaannya untuk mengenal pasti impak terhadap perubahan dasar yang

dilaksanakan dan rakyat boleh menilai sendiri kesan pembaharuan yang mendorong kepada perpaduan.

“Isu matrikulasi ini melibatkan isu besar pendidikan negara, oleh itu iltizam politik daripada semua pihak dan satu komponen pemantauan perlu disediakan bagi memastikan matlamat memberi keadilan pendidikan kepada yang berhak dapat ditunaikan,” katanya kepada *Wilayahku* pada Selasa.

Katanya, setiap pelajar akan bersaing berdasarkan kepada kelayakan pendidikan dan kemampuan akademik serta kokurikulum di peringkat sekolah selain ia adalah medium berterusan daripada sekolah untuk membentuk perpaduan utuh dalam kalangan pelajar sekali gus mengikis perkauman melampaui menerusi platform pendidikan.

Menurut Mohamad Tawfik, pada peringkat pelaksanaannya, pihak penilai tidak boleh membezakan penyaringan dan pemilihan pelajar Melayu dan bukan Melayu bagi menjayakan falsafah cadangan tersebut.

“KPM perlu menyediakan padang sama rata dengan meletakkan syarat kecemerlangan dalam SPM pada tahap tertentu untuk menjadi kayu ukur pemilihan pelajar.

“Ia juga dapat memberi peluang kepada pelajar yang mempunyai kemahiran atau kelebihan dari aspek penguasaan bahasa Inggeris, bahasa antarabangsa dan bakat peribadi serta ia sebenarnya indikator yang perlu menjadi panduan kepada proses pemilihan pelajar baru matrikulasi yang adil dan saksama,” katanya.

Kata Mohamad Tawfik, perubahan dasar itu memerlukan pelarasan kepada sistem kuota tetapi pada masa yang sama kerajaan boleh membuka lebih

banyak program matrikulasi dan mentransformasi program matrikulasi ini daripada model sedia ada kepada yang lebih fleksibel.

“Misalnya menubuhkan matrikulasi harian seperti sekolah yang tidak memerlukan kos pembinaan bangunan penginapan dan menumpang di sekolah-sekolah, maktab perguruan atau

politeknik yang tidak mempunyai jumlah pelajar yang ramai bagi menampung pertambahan pelajar matrikulasi.

“Justeru, tidak akan timbul isu kuota kaum tertentu dibesarkan tetapi semua kuota kaum diselaraskan semula bagi memberi ruang pertambahan pelajar yang lebih adil dan menyeluruh kepada semua rakyat Malaysia,” katanya.

Mohamad Tawfik berkata penyaringan kepada pelajar-pelajar yang benar-benar layak dari aspek keputusan SPM yang cemerlang dan mempunyai bakat peribadi yang mampu menghasilkan lepasan pelajar berkualiti tanpa menjejaskan peluang Bumiputera dan Melayu untuk memasuki program matrikulasi.

“Saya bersetuju jika kemasukan ke matrikulasi selepas ini perlu tapisan melalui temu duga bagi membanteras tindakan kabel atau orang dalam yang sekiranya ada, ia juga bagi mengelakkan segelintir anak individu berpengaruh yang tidak layak tetapi dapat memasuki matrikulasi,” katanya.

Ditanya mengenai impak terhadap pengumuman itu, beliau menjelaskan bahawa keputusan kerajaan tersebut sebenarnya selaras dengan prinsip meritokrasi

malah membuka ruang keadilan kepada pihak yang sepatutnya mendapat hak berkenaan berdasarkan kepada kelayakan, kecemerlangan dan kemampuan akademik.

“Kita tidak boleh lagi menafikan peluang pendidikan yang sepatutnya rakyat Malaysia terima dan sekiranya kita terus menganaktirikan mereka maka kita telah menyekat masa depan mereka yang lebih cemerlang,” katanya.

Dalam pada itu, Mohamad Tawfik memberitahu bahawa jaminan dan komitmen Perdana Menteri untuk mempertahankan hak dan keistimewaan Melayu Bumiputera perlu diterjemahkan dalam bentuk undang-undang seperti mana perlindungan yang dinikmati oleh UiTM menerusi Akta 173.

“Maka tidak timbul lagi polemik pada masa akan datang bahawa hak pelajar Melayu atau Bumiputera dalam program matrikulasi dicabar oleh mana-mana pihak.

“Dalam isu pendidikan, semua pihak termasuklah ahli politik perlu bertindak rasional dan tidak terlalu mempolitikkan isu ini sehingga mengeneipkan peluang pelajar cemerlang untuk mendapat akses pendidikan yang selayaknya,” katanya.


TAWFIK

Kerajaan jamin tiada pelajar cemerlang SPM tercicir

PELAJAR-PELAJAR yang memperoleh keputusan cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) layak untuk dipertimbangkan melanjutkan pelajaran ke matrikulasi atau program asasi universiti awam.

Perkara itu dimaklumkan oleh Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek selain menyatakan syarat kemasukan atau pemilihan itu tidak tertakluk kepada lepasan SPM yang memperoleh keputusan 10A ke atas sahaja sebaliknya diberikan juga kepada pelajar yang mencapai gred A bagi setiap mata pelajaran diambil.

Tambah beliau, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) kini bergerak secara agresif dan komprehensif bersama KPT bagi memastikan semua pelajar cemerlang mendapat tempat dan tidak tercicir.

“Semua pelajar cemerlang kita akan tangani penempatan mereka di matrikulasi dengan kerjasama daripada KPT. Jadi kita bergerak bersama dengan KPT secara agresif dan komprehensif serta mengambil semua pendekatan untuk memastikan semua pelajar cemerlang mendapat tempat.

“Kita akan terima pelajar peringkat rayuan dan seterusnya kita akan lihat selepas kita membuat penyelarasan dengan KPT, semua tempat ini akan diisi dengan segera,” katanya.


PELAJAR yang mendapat 10A diberi jaminan mendapat tempat. - Gambar hiasan

Fadhlina menyatakan KPM mempunyai maklumat semua pelajar cemerlang SPM dan penyelarasan penempatan matrikulasi bagi mereka yang memohon akan dilakukan dengan segera.

“Jadi jangan risau, sudah ada dalam sistem kita yang sekarang dan ini yang kita nak buat penyelarasan berkaitan dengan penempatan yang akan kita selaraskan dengan segera,” ujarnya.

Sementara itu, Kementerian

Pengajian Tinggi (KPT) memberi jaminan kuota Bumiputera lepasan SPM bagi melanjutkan pengajian ke peringkat matrikulasi adalah kekal.

Menterinya, Datuk Seri Zambry Abd Kadir dalam satu kenyataan juga memberi jaminan bahawa pelajar cemerlang SPM 2023 yang memperoleh keputusan 10A juga diberi jaminan tempat dalam matrikulasi atau pengajian asasi di universiti awam.

“Lanjutan daripada itu juga Perdana Menteri turut

memaklumkan kepada pihak KPT untuk terus membuat penilaian yang sama buat pelajar-pelajar yang memperoleh 10A ke atas untuk mereka mendapat tempat belajar di universiti yang menawarkan tempat ke kursus asasi.

“Oleh yang demikian pihak kementerian dan KPT akan bekerjasama dalam memastikan supaya pelajar-pelajar yang memperoleh 10A ini akan diberikan tempat.

“Ini merupakan salah satu dasar yang dibuat oleh kerajaan bagi memastikan setiap pelajar yang berusaha, berjaya dalam pengajian diberikan tempat yang sewajarnya,” katanya.

Dalam pada itu, baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan akan tetap mempertahankan kuota Bumiputera dalam melanjutkan pengajian di peringkat matrikulasi.

“Kalau dia (pelajar) itu rakyat dan warga kita, kita harus pelihara tapi kita juga terima kenyataan mengenai meritokrasi, jadi tanpa mengira kaum dan wilayah, dapat 10A kita beri jaminan tempat di matrikulasi.

“Kuota Bumiputera kita tetap dkekalkan kerana ini keputusan sudah lama kerana berkait dengan perlembagaan, jaminan masa depan Bumiputera Melayu supaya tidak berlaku kesenjangan,” katanya.

Zambry turut menegaskan

kerajaan mempunyai kaedah sesuai untuk memastikan semua pelajar cemerlang mendapat tempat untuk melanjutkan pengajian termasuk pada peringkat matrikulasi.

“Jadi apabila kita menyatakan bahawa kita akan memberikan tempat kepada pelajar yang mendapat 10A ke atas maka kita akan bagi tempat, jadi jangan tanya soal bagaimana (nak tunaikan) kerana yang paling mustahak ialah mereka akan diberikan tempat itu,” katanya.

Jelas Anwar, Kerajaan MADANI mengambil langkah yang adil dan munasabah untuk membuka peluang kepada kaum selain Bumiputera yang memperoleh keputusan SPM yang cemerlang. “Saudara minta orang (pelajar) sekolah Manek Urai (Kelantan) bersaing dengan Kolej Melayu (Kuala Kangsar, Perak) atau (sekolah) Chung Ling (Pulau Pinang) dengan prasarana siap di bandar dan sekolah yang terbaik dan minta bersaing dengan sekolah menengah di Kapit (Sarawak), tentu itu bukan keadilan.

“Tiap kali kerana kita ada kuota Bumiputera, kadang-kadang dijadikan isu keterlaluan, di satu pihak nak menafikan hak minoriti.

“Kita ambil jalan agak adil dan munasabah. Kalau dia itu rakyat di negara kita, maka harus pelihara. Kita juga menerima kenyataan tentang meritokrasi,” katanya.

Kerajaan didakwa pinjam IMF

Pembangkang terdesak raih sokongan

NAMPAKNYA isu penyasaran subsidi diesel yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi menangani ketirisan dan penyelewengan subsidi diesel masih belum reda.

Malah ia terus-terusan dimainkan oleh pihak pembangkang untuk kepentingan peribadi lebih-lebih lagi ketika bahang panas menjelang Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Bakap.

Terbaharu timbul fitnah yang mengaitkan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel oleh kerajaan ketika ini dengan pinjaman Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Tampil membidas perkara tersebut, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata tidak timbul soal pinjaman IMF memandangkan hanya negara yang berada di ambang muflis sahaja yang akan mendapatkan bantuan.

“Kamu tak boleh pergi kepada IMF kalau kamu boleh bayar hutang. Ada Malaysia nak bankrap sekarang, ada kita tak boleh bayar hutang? Tak timbul soal IMF, kalau pun ada orang gila nak pinjam IMF, IMF akan kata kamu gila.

“Kamu tak boleh pinjam daripada kami (IMF) kerana kamu



EKONOMI negara masih stabil dan berada pada landasan yang betul.

masih lagi ada duit. Negara yang pergi kepada IMF hanyalah negara yang sudah nak bankrap, baru boleh pergi kepada IMF,” tegasnya ketika berucap pada Ceramah Perpaduan sempena PRK DUN Sungai Bakap di Taman Tasek Indah, Simpang Ampat, Pulau Pinang baru-baru ini.

Terdahulu, beliau yang juga Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) memberi respons kepada pertanyaan pembangkang dalam satu kempen ceramah.

Dalam masa yang sama, Rafizi turut menyelar tindakan pihak


pembangkang yang memberi perhatian terhadap perkara remeh-temeh ketika berkempen.

Menurut Rafizi, mereka seolah-olah tidak memahami dasar kewangan sehingga sanggup memalukan diri sendiri apabila mengeluarkan kenyataan tidak benar.

Nampaknya ia seolah-olah memberi gambaran yang jelas bahawa pihak pembangkang tidak mempunyai modal untuk meraih sokongan pengundi.

Diharapkan orang ramai tidak mudah termakan dengan fitnah

serta tohmahan yang dilemparkan oleh pemimpin pembangkang terhadap kerajaan. Mereka akan terus menggunakan taktik kotor lebih-lebih lagi ketika kempen pilihan raya.

PRK DUN Sungai Bakap pada 6 Julai ini menyaksikan pertembungan satu lawan satu antara calon Pakatan Harapan, Dr Joohari Ariffin dan calon PN, Abidin Ismail yang diadakan susulan kematian penyandangannya, Nor Zamri Latiff pada 24 Mei lepas akibat keradangan dalam perut. 

Tiada sebab gadai negara untuk ‘balas budi’

SATU demi satu isu timbul berkaitan isu pelaburan BlackRock di negara ini sedangkan semua maklum syarikat pelaburan antarabangsa itu sudah melabur di negara ini sejak berpuluh-puluh tahun lalu.

Namun tuduhan tetap terus dilemparkan kepada kerajaan yang dikatakan menggadaikan negara demi kepentingan sendiri dan dikatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim melakukannya hanya untuk membalas budi.

Pihak tidak bertanggungjawab sewenang-wenangnya melemparkan fitnah bahawa Anwar terpaksa menjual saham Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) kerana terhutang budi dengan Amerika Syarikat yang banyak membantu beliau ketika Pilihan Raya Umum (PRU) yang lalu.

Diharapkan rakyat tidak terlalu mudah mempercayai agenda yang dirancang pihak yang tidak berpuas hati tersebut kerana semua tahu bahawa bukan mudah urusan penjualan pegangan saham dalam MAHB kepada BlackRock.

Ia dibuat selepas melalui syarat ketat dengan tapisan dilakukan dalam kalangan keseluruhan 145 syarikat yang berminat.

Memetik ucapan Anwar pada Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Perdana Menteri (PMQT) di Dewan Rakyat, baru-baru ini, beliau berkata daripada



ISU syarikat pelaburan antarabangsa BlackRock yang melabur sejak sekian lama di negara ini terus dijadikan ‘senjata’ pihak lawan untuk menyerang kerajaan. - Gambar hiasan

145 syarikat itu, lima syarikat akhirnya disenarai layak termasuk BlackRock, dengan antara isu yang timbul di peringkat rundingan adalah kebanyakan syarikat berkenaan mahu diberikan hak mengurus sepenuhnya.


“Khazanah (Khazanah Nasional Berhad) melaporkan apabila dibuka untuk pertimbangan pengurusan, sekitar 145 (syarikat) yang berminat, akhirnya lima yang layak.

“Syarat yang ditetapkan oleh Khazanah adalah ketat dan ia tak

dipersetujui kebanyakan (syarikat). Pertama, (jawatan) pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) mestilah rakyat Malaysia, selain itu, majoriti pegangan adalah (milik) Malaysia.

“Namun syarikat yang berminat ini, baik Singapura atau lain-lain, mereka nak hak mengurus. Maknanya CEO dalam kalangan rakyat dia atau mereka yang ditentukan. Syarat ini tak diterima. Itu sebabnya mengapa GIP diambil,” katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal (PN-Machang) yang mempersoalkan pemilihan BlackRock yang dikaitkan sebagai syarikat pro-Israel.

Anwar menegaskan, Khazanah dalam keterangannya turut menyatakan kesukaran untuk menjalin kerjasama dengan mana-mana syarikat asing memandangkan pihak mereka enggan menepati syarat ditetapkan. 

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

6/7/2024: Konvensyen FDAM 2024 @ FINAS

7/5 - 8/7/24: Pameran Ningo @ Muzium Negara

20/7/24: Quby Run @ Kepong Metropolitan Park

17/8/24: NANOWHITE MEN x Watsons Run @ Taman Metropolitan Kepong



PUTRAJAYA

13/7/24: IJN Run For Your Heart 2024 @ Anjung Floria Putrajaya

27/7/24: Ecotrail Putrajaya

2 - 4/8/24: Putrajaya Equine Festival @ Putrajaya Equestrian Park

1 - 31/10/24: Jom #BEATNCDS 2024



LABUAN

17-18/8/24: Labuan 3 Trails @ Palm Beach Resort & Spa

15/9/24: Pearl Of Borneo Run 2024 @ Labuan International Sea Sport Coomplex

10/11/24: Labuan Ultra Marathon 2024 @ Palm Beach Resort & Spa

Tanjong Sepat destinasi pelancongan



AHLI Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Sepat, Yang Berhormat (YB) Borhan Aman Shah mahu menjadikan kawasan Tanjong Sepat antara kawasan tumpuan pelancong. Hasrat murni tersebut sekali gus mampu menjana ekonomi penduduk setempat di kawasan tersebut.

Dalam masa yang sama, beliau yang juga Exco Perumahan dan Kebudayaan merupakan seorang pemimpin berjiwa rakyat yang sentiasa sabar mendengar masalah penduduk serta mencari solusi terbaik. Berusaha memberikan yang terbaik buat warga Tanjong Sepat, walaupun banyak cabaran yang harus dilalui namun itu tidak langsung membataskan semangatnya.

Ikuti wawancara eksklusif YB **BORHAN AMAN SHAH** bersama Wartawan *Wilayahku*, **SYED HAZIQUE SYED NOR** bagi menceritakan misi dan visi beliau.

Apakah kejayaan yang telah dilakar YB sepanjang bergelar wakil rakyat di kawasan Tanjong Sepat?

Setakat ini, syukur, pembangunan khususnya di kawasan Kampung Batu Laut terus menunjukkan tanda positif berbanding dahulunya agak usang. Kini kawasan tersebut telah dibersihkan dan dijadikan antara kawasan pelancongan apabila orang ramai boleh melepak di tepi pantai tersebut.

Saya juga turut terlibat dalam pembangunan di kawasan-kawasan Industri Kecil Sederhana (IKS) untuk terus memastikan pengusaha atau usahawan-usahawan tempatan terus berniaga dengan menerima bantuan-bantuan khusus dari kerajaan negeri dan persekutuan.

Malah, saya dan agensi-agensi kerajaan terlibat turut bersama membangunkan beberapa kedai yang usang dan telah membaik pulih bagi membantu ekonomi penduduk tempatan.

Apakah antara cabaran sepanjang YB berkhidmat?

Jika hendak diikuti memang banyak. Amanah yang diberikan ini bukan satu perkara atau tanggungjawab mudah untuk digalas.

Saya bersyukur kerana mempunyai pasukan yang mampu bekerjasama di samping penduduk yang saban hari memudahkan urusan kami.

Antara cabaran agak besar ialah penternakan khinzir di Tanjong Sepat, walaupun berlarutan lebih 50 tahun, kita ada cadangan dari kerajaan dan swasta untuk jadikan *pig farming farm* moden. Ia masih dalam perbincangan, ada syarikat berminat dan penternak sudah setuju untuk dipindahkan tetapi ada syarat, kalau dapat direalisasikan, saya percaya akan dapat memakmurkan lagi keharmonian hidup di kawasan saya.

Pada saya antara isu yang mendapat perhatian ialah isu lalat yang terdapat di kawasan ladang ternakan.

Ada sesetengah kilang yang masih menggunakan cara lama ternakan yang membawa kepada permasalahan lalat yang banyak.

Masalah lalat juga boleh menjurus kepada masalah kesihatan yang berisiko, justeru itu, kita ambil perhatian serius dalam isu ini.

Kita bersama agensi-agensi kerajaan meminta penternak-penternak untuk menggunakan kaedah ternakan konvensional yang lebih bersih dan tersusun.

Selain itu, saya juga turut

menyelesaikan masalah penghubung jalan, di beberapa kawasan yang mampu mengurangkan masa dan minyak buat penduduk.

Daripada segi komunikasi pula, kita ada pasukan yang saling menguruskan perihal penduduk dengan memberi sepenuh perhatian terhadap permasalahan mereka.

Ia termasuk juga media sosial saya dan saya juga hampir setiap hari menjengah sebentar ke kedai-kedai kopi bagi melihat atau mendengar luahan hati rakyat.

Hubungan saya bersama ketua-ketua kampung di sini juga erat dan ia memudahkan kami untuk bekerjasama untuk terus membantu memudahkan urusan penduduk.

Apakah fokus yang YB terapkan kepada pembangunan di kawasan tersebut?

Saya lihat kawasan saya ada potensi untuk dijadikan kawasan pelancongan di mana kita mempunyai pantai serta laut yang boleh menarik ramai pelancong bukan sahaja tempatan malah antarabangsa.

Selain itu, kita mempunyai keistimewaan daripada segi makanan yang hanya boleh diperolehi di kawasan ini sahaja

selain daripada produk-produk IKS.

Fokus yang sebenarnya adalah untuk membantu usahawan-usahawan tempatan di samping menjana ekonomi bukan sahaja setempat malah negara juga.

Bagaimana YB agihkan peruntukan secara adil kepada penduduk setempat?

Dari segi peruntukan, alhamdulillah, di sini terdapat kira-kira 10 buah kampung yang menerima peruntukan.

Saya sudah tetapkan setiap kampung berapa banyak peruntukan mereka terima setiap tahun tidak termasuk peruntukan-peruntukan tambahan.

Daripada situ kita mahu lihat penduduk lebih membangun, lebih menjana ekonomi, membawa keluarga ke arah yang lebih baik daripada peruntukan-peruntukan yang diterima itu.

Selain daripada itu, saya bersama pasukan juga memantau permohonan-permohonan peruntukan tambahan yang diperlukan seperti penambahbaikan infra dan sebagainya.

Kita juga adakan program-program kemudahan asas selain peruntukan daripada kerajaan negeri yang boleh dipohon khusus buat penduduk setempat.

Bagaimana YB perangi miskin tegar di kawasan Tanjong Sepat?

Miskin tegar adalah salah satu perkara yang diberi perhatian serius daripada Kerajaan Persekutuan bagi mengurangkan atau menghapuskan terus golongan tersebut.

Kalau ikut statistik, di kawasan ini, miskin tegar memang kosong namun ia bukan berarti kita tidak lakukan apa-apa bagi terus

membasmi miskin tegar.

Sebenarnya, saya galakkan penduduk untuk menjana pendapatan sendiri, daripada situ mereka mampu mengubah nasib keluarga mereka.

Sudah tentunya kita beri bantuan daripada segi modal, tempat berniaga dan bermacam lagi untuk mereka terus menjana pendapatan tetap. Kita tidak mahu mereka dihipit masalah kewangan atau ekonomi ini.

Saya juga mensarankan penduduk terutamanya suri rumah untuk menjana pendapatan sendiri dengan kreativiti seperti gubahan bunga, berniaga secara dalam talian dan sebagainya yang boleh dilakukan secara mudah.

Apakah harapan YB kepada penduduk?

Besar harapan saya khususnya buat penduduk di kawasan DUN Tanjong Sepat ini. Saya sangat berhasrat untuk menyediakan kemudahan seperti trem atau *buggy* yang memuatkan kira-kira 10 ke 15 penumpang untuk dibawa berjalan keliling pantai atau kawasan-kawasan tumpuan pelancongan.

Seperti saya katakan, matlamat utama ialah untuk menjadikan kawasan Tanjong Sepat sebagai kawasan tumpuan pelancongan sekali gus menjana ekonomi penduduk dan negara.

Saya mahu kawasan ini dipenuhi pelancong dari dalam mahupun luar negara yang melawat sekitar kampung dengan mencuba atau mendalami keunikan yang terdapat di sini.

Kita ada kemudahan yang tiada di tempat-tempat lain, kita cuba sebaik mungkin untuk memajukan kawasan di sini dengan kerjasama semua pihak. 🇲🇾

Kenal pasti tanah bangunkan OSD

Biaya kos perlindungan PERKESO penjaja

AZLAN ZAMBRY

“SEJAK mula berniaga 43 tahun lalu, ini kali pertama mencarum dan ditanggung oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), saya sangat terharu,” kata penjaja, **Zulaidin Nazarudin**.

Dia yang menjalankan perniagaan menjual nasi ayam di Pusat Penjaja Jalan Wirawati, Kampung Pandan di sini tidak dapat menahan sebak kerana sepanjang hidup, tidak pernah menerima sumbangan daripada mana-mana pihak.

“Saya berniaga sejak tahun 1981, dari zaman tiada lesen lagi. Apabila DBKL menawarkan perlindungan ini dengan pembiayaan 90 peratus, saya sangat tersentuh kerana keprihatinan DBKL untuk penjaja seperti saya,” katanya ketika ditemui *Wilayahku* pada Rabu.

Zulaidin berkata inisiatif kerajaan yang tidak mengeneikan penjaja seperti merupakan satu usaha terbaik memandangkan pekerjaan seperti turut berdepan dengan risiko tersendiri.

“Sebagai penjaja, kami turut terdedah kepada bahaya kerana perlu mengendalikan dapur gas serta peralatan memasak lain seperti pisau dan parang.

“Kesemua peralatan itu amat berisiko dan saya pernah kemalangan sehingga terpotong ibu jari menyebabkan tidak dapat bekerja untuk tempoh yang lama,” katanya.

Tambahnya dia amat bersetuju supaya semua peniaga seperti



ZALIHA Mustafa menyampaikan sijil Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) PERKESO kepada penerima.

mencarum dengan skim tersebut memandangkan banyak faedah yang boleh diperolehi.

Salah seorang penjaja, **Mohamad Mohd Ali**, 72 yang menjalankan aktiviti penjajaan sejak 1998 turut mengakui bahawa inisiatif ini memberikan manfaat untuk penjaja seperti.

“Sebelum ini, saya anggap caruman ini untuk bekerja tetap sahaja, tak sangka ada pula untuk peniaga,”

katanya.

Ujarnya, syarat yang dikenakan oleh DBKL juga bagus kerana mereka membiayai 90 peratus jumlah bayaran untuk tahun pertama.

“DBKL membayar caruman namun pada masa sama mereka juga mahu memastikan supaya

peniaga mempunyai lesen dan tidak ada tunggakan sewa mahupun kompaun, jadi ia syarat yang tidak membebaskan dan tidak sewajarnya menjadi isu,” katanya.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata kemudahan yang disediakan kerajaan menerusi Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) adalah sebahagian daripada inisiatif yang terkandung di dalam Lindung @ PUJI dengan melibatkan dua golongan rentan dan mereka yang memerlukan perlindungan sosial.

“Pertama adalah suri rumah yang memenuhi kriteria melalui Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) dan kedua penjaja daripada program Lestari Niaga di Kuala Lumpur melalui Skim Keselamatan Sosial

Pekerjaan Sendiri (SKSPS),” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Penyerahan Tajaan Caruman SKSPS dan SKSSR serta Pertukaran Surat Niat Kerjasama JWP dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Hadir sama, Menteri KESUMA, Steven Sim Chee Keong; Ketua Pengarah JWP, Datuk Noridah Abdul Rahim; Ketua Setiausaha KESUMA, Datuk Seri Khairul Dzamee Daud; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri PMgr Sr Kamarulzaman Mat Salleh dan Ketua Pegawai Eksekutif PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Zaliha berkata JWP

dengan kerjasama DBKL turut membiayai 90 peratus untuk tahun pertama bagi membantu golongan berkenaan mendapatkan perlindungan sosial yang selari dengan aspirasi Malaysia MADANI.

“Untuk kumpulan pertama iaitu suri rumah, Jabatan Wilayah Persekutuan akan mencarum sebanyak RM 120 seorang, untuk bulan pertama, melibatkan peruntukan berjumlah RM 52,080 melalui SKSSR yang akan memberi manfaat kepada 434 orang suri rumah di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

“SKSSR ini bakal menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada golongan suri rumah daripada bencana domestikan keilangan semasa menguruskan rumah tangga.

“Manakala, bagi kumpulan yang kedua pula iaitu penjaja dalam program Lestari Niaga. Ini merupakan potensi kerjasama dengan PERKESO dalam memanjangkan caruman SKSPS ini kepada penjaja di Kuala Lumpur.

Secara asasnya, caruman penuh SKSPS adalah berjumlah RM 232.80 sebulan 90 peratus daripada caruman tersebut atau RM 209.50

akan ditanggung oleh kerajaan melalui Geran Padanan Caruman yang telah diumumkan pada Belanjawan 2024 yang lalu, dan baki 10 peratus daripadanya atau sejumlah RM 23.30 perlu ditanggung oleh penjarum sendiri,” katanya. 📌



ZUL Aidin



MOHAMAD

JWP rintis penyelesaian masalah di ibu kota

MASALAH kebolehcapaian pengangkutan awam dan banjir di Kuala Lumpur menjadi fokus utama dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Infrastruktur, Pengangkutan dan Komunikasi Dewan Rakyat yang dipengerusikan oleh Ahli Parlimen Tanjung Manis, Yusuf Abd Wahab, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa**.

Ujar Zaliha konsep CHASE City diperkenalkan sebagai visi baru untuk Wilayah Persekutuan bertujuan menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar yang bersambung baik, holistik dalam pembangunan, mudah diakses, mampan, dan menarik untuk didiami serta dilawati.

“Mesyuarat turut membincangkan inisiatif Sejahtera @ WP dan PUJI @ WP yang

merupakan kerangka untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan.

“Sejahtera @ WP menumpukan kepada kesejahteraan sosial dan ekonomi manakala PUJI @ WP (Pengangkutan, Utiliti, Jalan dan Infrastruktur) berfokus pada peningkatan infrastruktur asas.

“Tumpuan mesyuarat juga diberikan kepada peranan pihak berkuasa tempatan (PBT) khususnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam menyokong kesalinghubungan pengangkutan awam. Cadangan untuk memperluas dan memperkukuhkan sistem pengangkutan awam turut dibincangkan untuk memastikan ia mampu menampung pertumbuhan penduduk dan perkembangan bandar,” katanya dalam kenyataan hari ini.



MASALAH banjir kilat antara isu yang mendapat perhatian pelbagai pihak.

Zaliha berkata mesyuarat tersebut menekankan peranan River of Life (ROL) dalam menangani masalah banjir di Kuala Lumpur.

“ROL, yang pada asalnya

bertujuan untuk mengindahkan sungai-sungai di ibu kota kini dilihat berpotensi untuk menjadi alat yang berkesan dalam mengurus aliran air dan mencegah banjir sambil terus mempromosikan

keindahan dan nilai rekreasi sungai,” katanya.

Tambah Zaliha, penglibatan ketua-ketua agensi Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dalam mesyuarat tersebut menunjukkan komitmen JWP dalam memastikan isu-isu infrastruktur dan pengangkutan menjadi keutamaan. “Kolaborasi antara agensi-agensi ini diharapkan dapat memastikan strategi yang disusun dilaksanakan dengan efektif dan memberi manfaat kepada rakyat.

“Dengan sokongan penuh dari DBKL dan agensi-agensi JWP, diharapkan masalah kebolehcapaian pengangkutan awam dan banjir di Kuala Lumpur dapat diatasi dengan berkesan sekali gus meningkatkan kesejahteraan rakyat dan memperkukuhkan imej Kuala Lumpur di mata dunia,” katanya. 📌

Memburu makanan di Pulau Pinang



ZULKIFLI SULONG

MINGGU lalu saya dan isteri ke Pulau Pinang untuk urusan kerja. Bila ke Pulau Pinang, sudah tentu makan menjadi isu utama. Memburu nasi kandar, laksa, durian Balik Pulau dan lain-lain menjadi acara sampingan yang menarik.

Mengikut cerita yang saya dengar sebelum ke Pulau Pinang, ada dua nasi kandar yang saya kena cuba. Line Clear dan Hameediyah. Namun saya terfikir, kalau setakat Line Clear dan Hameediyah, kedua-duanya sudah ada di Kuala Lumpur.

Line Clear dah ada di Kampung Bharu, Hameediyah sudah ada di Kota Damansara. Kedua-duanya saya telah cuba. Tidakkah sesedap mana. Jadi buat apa saya pergi ke dua kedai itu di Pulau Pinang.

Jadi apabila sampai disana, saya cuba bertanya orang Pulau Pinang sendiri, di manakah port makan yang sedap?

Mula-mula saya jumpa dengan Dr Zaidi, seorang pakar kanak-kanak di sebuah hospital swasta di Pulau Pinang. Apabila beliau bertanya di mana saya tinggal, saya kata di Seberang Jaya.

"Kalau begitu mudah sikit. Kalau Sungai Bakap, susah sikit nak dapat kedai makan yang baik," kata beliau kepada saya kerana saya ke Pulau Pinang untuk meninjau Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Bakap.

Lalu, Dr Zaidi mencadangkan agar kami bertemu di Restoran Kapitan Signature di Seberang

Jaya. Oleh kerana masa masih awal, saya mengajak isteri makan di mana-mana kedai makan berhampiran Kapitan Signature itu. Lalu kami pilih Nasi Kandar Panglima.

Oleh kerana saya akan makan lagi dengan Dr Zaidi di Kapitan, kami hanya meminta satu pinggan nasi kandar dengan satu potong ikan sahaja di kedai ini. Tetapi setelah kami rasa, wow ia sangat sedap.

Bahkan, oleh kerana kuah dan ikannya sangat sedap, kami telah pesan pula roti canai untuk dimakan dengan kuah nasi kandar yang sedap itu.

Selepas makan, kami berjumpa Dr Zaidi di Kapitan. Oleh kerana perbincangan terlalu panas, dan saya pun sudah makan sedikit tadi, kami terlupa terus soal makan dan kami hanya berhenti bercakap selepas pelayan kedai memaklumkan kedai hendak ditutup.

Esoknya, saya berjumpa seorang lagi rakan dan sahabat lama di Pulau Pinang, Zulkifly Mat Lazim. Beliau juga memilih Seberang Jaya untuk menjadi tempat pertemuan kami.

Oleh kerana saya belum sempat makan di Kapitan malam tadi, saya mengajak beliau bertemu di kedai itu. Ini kerana, apabila disemak melalui *Google*, nama Kapitan agak popular sebagai tempat makan di Pulau Mutiara itu sekarang.

Zulkifly, seorang usahawan hospital swasta, adalah bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Pinang. Beliau sebelum ini adalah ADUN PH, namun selepas Langkah Sheraton, beliau menyertai BERSATU dan meninggalkan PH.

"Saya sudah tidak berparti sekarang. Saya juga telah maklum kepada Tan Sri Mahiaddin bahawa

saya mahu bersara daripada politik. Apa yang saya perjuangkan tidak boleh dicapai menerusi politik bahkan meramaikan bilangan musuh sahaja," kata Zul apabila kami mula berbual di Kapitan sambil makan roti nan. Turut serta bersama kami adalah dua lelaki Cina yang baharu menyertai Islam melalui badan bukan kerajaan (NGO) yang dipimpin oleh Zul.

Sebagai ahli perniagaan, Zul berkata dia banyak mengkaji tentang syarikat-syarikat perniagaan utama di Pulau Pinang. Antaranya termasuklah Line Clear dan juga Hameediyah.

Menurut Zul, Line Clear sudah tidak sehebat dulu lagi. Ini kerana ia sudah diwarisi kepada keluarga pemilik asalnya bukan lagi diusahakan oleh pemilik asal restoran nasi kandar yang popular itu.

"Kapitan ini adalah antara restoran yang berasal dari pemilik Line Clear. Ada banyak kedai nasi kandar bernama Kapitan ini di Pulau Pinang. Semuanya dimiliki oleh anak-beranak atau keluarga pemilik asal Line Clear.

"Ini Kapitan Signature. Anak-anak pemilik Line Clear mahu kedai yang lebih moden dan hebat berbanding Line Clear yang duduk celah lorong tu. Jadi dia bina kedai ini.

"Hameediyah di Kota Damansara juga bukan dimiliki oleh pemilik asal Hameediyah di Pulau Pinang lagi. Ia sudah bertukar tangan kepada orang Indonesia sekarang," cerita Zul lagi.

Sebelum bertemu Zul, kami telah makan di kedai Rahim Nasi Dalca yang terletak di Queen Street. Di kedai ini kami berjumpa dengan seorang bekas Jabatan Kerja Raya (JKR) yang kebetulan

juga makan di situ.

Apabila kami bersembang, kami mendapat perspektif baharu tentang nasi kandar dan makanan di Pulau Pinang. Menurut beliau, sekarang terlalu banyak kedai nasi kandar di Pulau Pinang.

Memang, katanya, Line Clear dan Hameediyah antara kedai nasi kandar yang terkenal dahulu, iaitu ketika pengasas mereka mengusahakan sendiri kedai makan itu. Tetapi kini, walaupun masih ramai orang ke situ, namun kebanyakannya orang luar, yang datang kerana mendengar cerita tentangnya. Orang tempatan sudah jarang ke situ.

"Di Pulau Pinang sekarang, bagi saya, kalau mahu makan nasi dalca, saya ke Nasi Dalca Rahim ini. Kalau nasi kandar, saya suka Nasi Kandar Beratur. Situ makanannya sedap," kata pakcik yang ke mana-mana hanya naik gerak (basikal) itu.

Pakcik itu juga berkata, kalau mahu makan laksa, pergi cari Laksa Janggus di Balik Pulau. Laksa kedai lain ada tetapi 'ceroi' kuah dia, katanya.

Bagaimana dengan Nasi Kandar Sulaiman? "Ya itupun bagus juga," katanya menjawab pertanyaan saya kerana anak saya berpesan, pergilah makan di situ kerana makanannya sedap.

Keesokannya, kerana mahu mengesahkan kata-kata itu, saya memandu ke Nasi Kandar Sulaiman yang terletak di Jalan Air Itam. Kami terpaksa pusing beberapa kali kerana agak sukar untuk mendapatkan tempat *parking* kereta.

"Tak sedap mana pun," kata isteri saya ketika mula makan selepas beratur panjang. "Sedap lagi Panglima," katanya memuji kedai Nasi Kandar Panglima yang

terletak di Seberang Jaya.

Selepas selesai makan nasi kandar, kami memburu laksa Penang pula. Untuk itu, kami sepakat ke Balik Pulau. Sambil-sambil itu, kami boleh tinjau durian Balik Pulau yang katanya sangat sedap.

Dengan jalan yang bengkok-bengkok dan dibawa entah ke mana-mana oleh *Google*, kami akhirnya sampai ke kedai Laksa Janggus Kak Timah. Alhamdulillah rasanya okey tetapi kerana terlalu letih, laksa yang dikatakan lazat itu terasa entah apa-apa.

Jalan menuju ke Balik Pulau dan meninggalkannya menuju ke Bayan Lepas penuh dengan pokok durian. Bahkan, kalau kebetulan durian itu gugur, ia boleh jatuh ke atas kereta di bawahnya. Patutnya mereka kata, durian Balik Pulau antara yang terbaik. Ini kerana terlalu banyak pilihannya dan ia sudah menjadi satu industri yang menarik dan lama bertapak di situ.

Selepas tiga malam dan empat hari di Pulau Pinang, kami pulang ke Kuala Lumpur dengan seribu kenangan.

Sebelum saya membuat catatan ini, saya dan isteri pergi makan di sebuah kedai nasi kandar di Puncak Alam. Ahhh akhirnya kami membuat kesimpulan, ini nasi kandar terbaik bukan Line Clear, bukan Hameediyah atau Kapitan.

Lalu saya simpulkan, Lembah Klang ada segala-galanya dan Kuala Lumpur dan Selangor wilayah terbaik untuk didiami.

TULISAN ini berdasarkan pengalaman dan pandangan penulis sahaja. Ia tidak bertujuan untuk menghina atau memperlekehkan mana-mana pihak.

Membanteras pengemis di KL



Pokok berbahaya ditebang

TAHNAH kepada Jabatan Imigresen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berjaya menumpaskan sindiket pengemis yang menggunakan warga asing dan kanak-kanak melalui Ops Selamat di salah sebuah lokasi di ibu negara.

Sindiket yang didalangi oleh seorang warga Pakistan itu turut menempatkan pengemis warga asing dari Pakistan, Indonesia dan India di sebuah premis rumah kedai yang dipecah dan dijadikan beberapa bilik kecil yang padat, sempit serta kotor.

Lebih teruk, serbuan Jabatan Imigresen turut membongkar kegiatan sindiket tersebut memberi ubat batuk kepada kanak-kanak berusia antara 10 bulan hingga enam tahun. Mereka kemudian dibawa oleh pengemis dewasa untuk mengemis di sekitar Chow Kit, Jalan Masjid India dan Sentul.

Kawan-kawan Kedai Kopi percaya perbuatan membawa kanak-kanak ini adalah untuk meraih simpati orang ramai. Ubat batuk pula diberi untuk menjadikan kanak-kanak tersebut khayal atau tertidur serta tidak membuat kerenah dalam panas matahari sewaktu mengemis.

Sebenarnya isu pengemis warga asing sudah kerap kali didedahkan oleh pihak berkuasa. Tindakan berterusan juga dijalankan bagi mabanteras kegiatan ini. Namun mereka sentiasa sahaja ada memenuhi lorong dan jalan seperti sudah lali dengan serbuan atau tindakan.

Malah sebelum ini laporan mengatakan terdapat pengemis dari negara Arab seperti Syria mampu memperoleh hasil lumayan. Selesai mengemis di siang hari, pada waktu malam mereka bukan tinggal di rumah sewa tetapi di hotel mewah!

PERISTIWA pokok tumbang dalam hujan petir sehingga mengorbankan nyawa dan harta benda tidak lama dahulu masih dalam ingatan. Ekoran itu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) lebih prihatin memeriksa dan memantau pokok-pokok berisiko tinggi di seluruh ibu negara.

Mana-mana pokok yang terbukti mengancam keselamatan orang ramai akan ditebang. Kebanyakan pokok dalam kategori ini adalah yang sudah berusia, mungkin mencecah belasan atau puluhan tahun. Kerana itu strukturnya goyah dan mudah tumbang jika dipukul angin kuat.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, ini langkah paling wajar dilakukan oleh DBKL demi keselamatan orang ramai. Walaupun ibu kota memerlukan banyak pokok untuk kesegaran warga kota, pokok berbahaya tidak harus dibiarkan.

Memetik kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa di Parlimen baru-baru ini, sebanyak 1,488 pokok berusia di sekitar ibu kota diperiksa sejak tahun 2019 hingga kini. Darpada jumlah itu 173 pokok berisiko tinggi telah ditebang.

Pihak DBKL akan berterusan menilai dan memeriksa pokok tua. Pada masa sama kerja penyelenggaraan pokok rendang akan dibuat secara berkala. Ini kerana pokok rendang juga berisiko.

Sehubungan itu DBKL melantik 21 kontraktor dilantik mulai 15 Jun 2024 untuk kerja penyelenggaraan. Ini termasuk arboris atau individu yang pakar dalam pemeriksaan pokok.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, DBKL telah mengambil segala langkah yang perlu bagi meminimumkan bahaya.

Pemandu teksi serta makna rezeki



KU SEMAN KU HUSSAIN

SAYA juga mulanya seperti sebahagian besar dalam kalangan masyarakat yang melihat pemandu teksi tidak lebih sebagai satu pekerjaan untuk menyara hidup. Banyak masa pula dihabiskan dalam teksi yang bergerak menyusur dari lorong ke lorong mencari rezeki.

Bagaimanapun selepas menonton filem *Taxi Driver* yang diterbitkan tahun 1979, tanggapan terhadap pemandu teksi segera berubah. Bukan itu sahaja malah lebih teruja untuk menyelongkar sisi kehidupan mereka yang terlindung. Filem itu memberikan satu isyarat yang menarik tentang pemandu teksi.

Individu yang menjadi pemandu teksi sebenarnya melampaui kedudukan mereka sebagai pekerja. Mereka juga mempunyai tugas atau tanggungjawab yang melampaui pemandu teksi. Sikap yang tercermin kepada pemandu teksi memberi makna yang menyeluruh mengenai peri pentingnya tanggungjawab dan amanah.

Tanggapan itu mungkin juga didorong oleh keberkesanan lakonan Robert De Niro sebagai Travis Bickle seorang pemandu teksi dalam filem arahan Martin Scorsese itu. Travis veteran perang Vietnam menjalani kehidupan yang sepi apabila dia disisihkan daripada masyarakat di sekitar.

Untuk mengubati kesunyian, Travis memilih menjadi pemandu teksi yang sentiasa berinteraksi dengan orang ramai sibuk dengan pekerjaan. Akhirnya Travis menjadi wira apabila menyelamatkan



KUALA Lumpur yang tidak pernah lena menjadi salah satu lorong rezeki kepada pemandu teksi. - Gambar hiasan

seorang pelacur kanak-kanak lakonan Jodie Foster yang masih belasan tahun ketika itu.

Persekitaran sosial New York yang tidak sahaja materialistik, malah penuh jenayah yang tersorok dan terbuka itu memaksa Travis menggalas kembali tugasnya sebagai pelindung golongan tertindas.

Ketika mula-mula menjejak kaki ke Kuala Lumpur pada 1984, ada dua perkara yang berulang kali dipesan oleh beberapa orang apabila tahu yang saya adalah 'pendatang baharu' di kota metropolitan itu. Pertama, jangan cepat percaya orang yang tidak dikenali sekalipun nampak baik dan kedua, pemandu teksi.

Pesanan yang pertama itu boleh dijangka, mungkin ada pihak hendak mengambil kesempatan terhadap orang seperti saya yang terancang-cagak seperti rusa masuk kampung. Bagaimanapun

pesanan kedua itu membuatkan saya tertanya-tanya, kenapa dengan pemandu teksi?

Adakah pemandu teksi di Kuala Lumpur juga seperti Travis dalam filem *Taxi Driver* yang disingkir masyarakat dan menjadi pemberontak kemudian pembela golongan tertindas? Sekalipun belum ada peluang daripada kalangan pemandu teksi, kedudukan dan ruang sosial memungkinkan mereka berjuang dengan cara tersendiri.

Tetapi agak malang kerana golongan pemandu teksi sudah lama terlekat dengan stigma yang kurang enak iaitu menipu penumpang dengan meletakkan tambang yang tidak sepadan. Istilah tepatnya 'sembelih' penumpang untuk mengaut keuntungan.

Selepas beberapa bulan menjadi penumpang teksi dan beberapa tahun pula menjadi warga Kuala Lumpur barulah saya faham kenapa perlu berhati-hati dengan pemandu teksi di Kuala Lumpur waktu itu. Walaupun tidak semua, tetapi stigma 'sembelih' itu ada benarnya.

Saya sendiri ada pengalaman hampir 'disembelih' selepas turun dari bas ekspres di Puduraya pada suatu pagi untuk pulang ke rumah sewa di Taman Cheras. Bagaimanapun saya lebih rela menunggu bas mini paling awal sekitar pukul 6 pagi daripada 'disembelih.' Tambang pun hanya 50 sen sahaja.

Sekalipun begitu, pengalaman saya yang sedikit itu tidak adil untuk dijadikan satu kesimpulan yang menyeluruh terhadap semua pemandu teksi. Tambahan pula

banyak kali juga saya dipertemukan pemandu yang baik, sangat berhemah dan pekerti tinggi.

Ada kalanya terasa sangat kerdil di sebalik pemikiran dan pekerti yang diperlihatkan oleh sesetengah pemandu teksi. Malah memahamkan saya tentang amanah yang semestinya menjadi teras dalam diri semua orang daripada serendahnya seperti pemandu teksi hinggalah yang tinggi seperti pemimpin yang menggunakan ganti nama Yang Berhormat.

kerosakan yang dialami oleh masyarakat.

Melampaui kisah-kisah stereotaip itu, pemandu teksi itu sendiri sebenarnya adalah watak-watak yang merakam kisah manusia di ibu kota. Masa yang sama sesetengah dalam kalangan mereka juga ada cerita tersendiri yang tidak kurang tragisnya.

Pada era sebelum adanya media sosial, pemandu teksilah yang paling awal tahu tentang hal-hal yang berlaku di sebalik tabir Kuala Lumpur, berdiri megah siangnyanya dan penuh kekekatu pada malamnya. Pemandu teksi arif tentang manusia kekekatu yang memburu gemerlapan dan sangat tahu tempat-tempat manusia membeli keseronokan.

Kuala Lumpur yang tidak pernah lena juga menjadi salah satu lorong rezeki kepada pemandu teksi. Semakin malam akan semakin tinggilah tanggangannya. Tambahan pula manusia yang memilih kehidupan malam di Kuala Lumpur tidak lokek, mereka mempunyai banyak wang untuk dilabur dan dileburkan.

Sebab itulah sesetengah pemandu teksi lebih suka bersidai di depan pusat hiburan, pusat urut dan tidak kurang pusat pelacuran yang terlindung untuk menunggu penumpang. Manusia yang berada di tempat-tempat seperti itu juga tidak lokek, jadi apalah sangat kalau 'disembelih' oleh pemandu teksi.

Bagaimanapun tidak semua pemandu teksi sanggup bersekolong dengan kerosakan dan keruntuhan yang berlaku di Kuala Lumpur. Banyak yang lebih sanggup menyusur dari lorong ke lorong untuk mendapat seorang atau dua penumpang. Mereka faham erti rezeki dan kesucian jalan mendapatkannya.

Sebab itulah ada pemandu teksi yang sanggup memulangkan beratus ribu ringgit wang penumpang yang tertinggal dalam teksinya. Mereka berbuat demikian kerana faham konsep rezeki, jumpa duit yang diketahui pemiliknya bukan rezeki.

Tanpa peribadi terpuji ujian yang sebesar itu tidak mungkin dapat dilalui dengan mudah.

Tetapi hakikatnya ada pemandu teksi yang melakukan kejujuran itu dengan penuh tekad. Tentulah itu satu ironi ketika ada pihak berlumba-lumba mengambil sesuatu yang bukan haknya, pemandu teksi yang pendapatannya tidak seberapa pula meletakkan amanah sebagai perkara yang di depan sekali.

Maka siapa pun kita, sama ada orang besar atau orang kecil, kaya atau miskin yang membezakan adalah tinggi atau rendahnya mendukung amanah dalam menjalani kehidupan harian untuk mencari rezeki. Di situlah kemuliaan dan kehormatan yang sebenarnya.




Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Te: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



KISAH MANUSIA

SEBENARNYA pemandu teksi yang 'sembelih' penumpang itu tidak mewakili bidang atau jenis pekerjaan. Sikap itu terletak kepada individu. Menjadi apa sekalipun, kalau ada sikap buruk itu pasti buruklah dia, kalau ditakdirkan menjadi pemimpin, dia cenderung melakukan perbuatan korup.

Bayangkan dengan kuasanya sebagai pemandu teksi pun boleh menindas orang yang memerlukan khidmatnya, apa lagi kalau diberi kuasa yang lebih besar. Tentulah lebih besar penindasan dan pelanggaran amanah yang dilakukan. Lebih besar pula



Bil 269 . 5 - 11 JULAI 2024

Bahaya
**KERACUNAN
MAKANAN**

►► 10-11



Amal langkah lihat, hidu, rasa sebelum makan

SABRINA SABRE & DIANA AMIR

KES keracunan makanan boleh berlaku kepada sesiapa sahaja tanpa mengira usia namun apa yang merisaukan ia sering terjadi kepada murid sekolah dan mampu mengundang maut.

Sebagai contoh, baru-baru ini seramai 82 individu mengalami gejala keracunan makanan manakala dua disahkan maut selepas dipercayai memakan bahun goreng dan telur yang disediakan untuk program di sebuah sekolah agama di Selangor.

Menurut Pengamal Perubatan, **Dr Amalina Azmi**, kebiasaannya keracunan makanan berlaku disebabkan bakteria, parasit, toksin dan kuman yang disebarkan daripada bahan tercemar seperti air kotor, kencing atau najis tikus, lalat dan lipas atau logam berat seperti racun rumpai serangga dan sebagainya.

“Antara jangkitan bakteria biasa ialah *Salmonella*. *Salmonella* lazimnya ditemui pada telur mentah ataupun separa masak yang merebak melalui ayam betina yang telah dijangkiti. Bacteria itu kemudian merebak ke dalam telur yang dihasilkan sebelum kulit terbentuk.

“Selain itu, ia juga merebak pada kulit telur yang mungkin telah dicemari *Salmonella* pada najis ayam,” ujarnya.

Beliau berkata antara simptom disebabkan *Salmonella* adalah cirit-birit, muntah, demam dan sakit abdomen yang akan mula dirasai dalam masa enam jam selepas memakan makanan yang dicemari bakteria itu dan boleh berlarutan sehingga empat ke tujuh hari.

“Individu yang mempunyai sistem daya ketahanan tubuh yang lemah boleh mengalami simptom dehidrasi yang teruk akibat muntah dan cirit-birit yang berterusan yang boleh membawa maut jika tidak dirawat dengan segera.

“Golongan berisiko adalah kanak-kanak berusia kurang lima tahun, pesakit yang mempunyai

penyakit kronik seperti kencing manis, pesakit HIV, pesakit yang menjadi penerima organ, wanita hamil, pesakit kanser yang menjalani rawatan dan warga emas yang berusia lebih 65 tahun,” ujarnya.

Beliau berkata selain daripada *Salmonella*, bakteria *Bacillus cereus* juga boleh menyebabkan keracunan makanan sehingga membawa maut dalam masa yang singkat.

“Bakteria ni menyebabkan keracunan yang akut dengan menghasilkan dua jenis toksin yang bertindak ke atas sistem penghadaman manusia dengan sindrom muntah dan cirit-birit.

“Apabila bakteria ini keluaran toksin *cereulide* dalam makanan yang dijangkitinya, pesakit akan loya dan muntah dalam tempoh 30 minit hingga lima jam selepas mengambilnya.

“Biasanya dalam tempoh 24 jam, baru simptom akan hilang. Pada masa yang sama, makanan itu yang akan turun ke saluran usus menghasilkan *enterotoxin*. Toksin ini akan buat pesakit cirit-birit dan boleh disertai dengan mucus atau darah dan sakit abdomen,” ujarnya.

Beliau berkata kesan daripada *enterotoxin* boleh dirasai dalam masa lapan ke 16 jam selepas makanan dimakan dan simptom akan pulih dalam 12 ke 24 jam.

“*Bacillus cereus* selalunya dijumpai dalam tanah dan boleh menghasilkan spora yang boleh bertahan walaupun dimasak. Dalam keadaan yang kondusif, spora ini boleh bercambah dan membiak menjadi *Bacillus cereus* yang vegetatif.

“Toksin *cereulide* yang dihasilkan oleh *Bacillus cereus* juga mampu menahan haba. Biasanya boleh ditemui dalam makanan berkanji seperti nasi, mi, pasta atau bahun,” ujarnya.

Amalina berkata simptom cirit-birit yang terhasil dari *enterotoxin* akibat *Bacillus cereus* dikaitkan dengan makanan yang mempunyai daging, sup, sos dan susu.

“Kebanyakan pesakit akan sembuh dengan sendirinya dalam tempoh satu ke dua hari dalam kes keracunan membabitkan *Bacillus*

cereus. Namun begitu, terdapat kes yang jarang berlaku dan menyebabkan kematian seperti yang telah dilaporkan dalam jurnal saintifik.

“*Bacillus cereus* ini ada dalam persekitaran kita. Kita tidak boleh lari daripadanya tetapi kita boleh mengambil langkah-langkah untuk mencegah dari dijangkiti,” ujarnya.

DAPATKAN RAWATAN AWAL

SIMPtom keracunan makanan yang terjadi selepas seseorang itu mengambil sesuatu makanan tidak boleh diambil ringan kerana kelewatan mendapatkan rawatan boleh mengancam nyawa.

“Apabila mengalami keracunan makanan, rawatan awal adalah perlu untuk pastikan badan kita tidak dehidrasi dan jika simptom dehidrasi sudah mula kelihatan seperti pucat, lidah mulai putih, bawah mata juga putih macam kurang darah, segeralah dapatkan rawatan sebelum keadaan menjadi semakin parah,” ujarnya.

Beliau berkata dalam mencegah berlakunya keracunan makanan, orang ramai serta pengendali makanan mempunyai tanggungjawab masing-masing dan boleh melakukan penilaian sendiri apabila ingin membeli makanan di luar.

“Biasanya musim cuti sekolah ramai orang akan keluar dan makan di luar dan sudah semestinya akan ada risiko mengalami keracunan makanan, jadi apa yang kita boleh buat adalah dengan memastikan persekitaran kedai bersih.

“Amalkan tiga langkah iaitu lihat, hidu dan rasa sebelum makan. Jika ada bau, rasa dan tekstur yang

kelihatan tidak normal elakkan makan. Bagi pengendali makanan pula, jangan biarkan bahan makanan atau makanan yang telah siap dalam keadaan yang terdedah.

“Elakkan menjual makanan yang tidak habis dan anggaph kita sediakan makanan untuk keluarga, jangan hanya fikir untung semata-mata. Siapa sangka hanya sebungkus sandwich boleh meragut nyawa,” ujarnya.

Dalam masa sama, Amalina turut menyarankan pihak yang mengendali makanan agar lebih peka dalam aspek penyediaan makanan dalam menangani isu-isu berkaitan keracunan makanan.

“Penyediaan daripada bahan tercemar dan membiarkan makanan terdedah dalam jangka masa lama juga menjadi antara faktor risiko tinggi berlakunya keracunan hingga boleh membawa maut. Disebabkan itu, cara pengendalian makanan amat penting bagi memastikan hidangan disediakan selamat serta bebas daripada sebarang pembiakan bakteria.

“Selain itu, pengusaha makanan juga perlulah mematuhi aspek kesihatan yang telah digariskan pihak berwajib termasuklah memastikan kebersihan makanan, mengikuti kursus pengendali makanan dan mengambil suntikan pelalian tifoid agar tidak menimbulkan sebarang masalah yang tidak diingini.


“Apa pun keracunan makanan khususnya di kantin dan dapur asrama sekolah boleh dielakkan jika pengusaha memantau kebersihan, mengambil tahu sumber bekalan makanan serta menyelia proses penyediaan makanan mengikut garis panduan


disediakan pihak berwajib.

“Ia merupakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan bukan sahaja daripada pihak sekolah bahkan ibu bapa yang tidak berkesempatan menyediakan bekal buat anak-anak mereka ke sekolah,” ujarnya.

Tambah Amalina, sudah sampai masanya satu pendekatan secara tuntas dapat dilaksanakan oleh pihak-pihak berkepentingan dalam mengawal selia premis-premis penyediaan makanan agar kes keracunan makanan ini tidak lagi menjadi kebiasaan dalam kalangan masyarakat.

“Bukan itu sahaja, ibu bapa mahupun pengusaha makanan juga perlu memainkan peranan masing-masing agar lebih cakna dalam hal-hal penyediaan makanan bagi memastikan statistik keracunan makanan dapat dikecang dan dikurangkan sekali gus memastikan anak-anak serta masyarakat dapat menjalani sebuah kehidupan yang sihat melalui pemakanan seimbang dan selamat.

“Saya juga ingin sarankan agar kita dapat mengamalkan lima kunci keselamatan makanan yang mudah sebagaimana disarankan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mengelakkan berlakunya keracunan makanan bermula dengan menjaga kebersihan diri dengan mencuci tangan sebelum dan selepas menyediakan makanan, gunakan peralatan yang bersih, masak makanan dengan sempurna, simpanan makanan pada suhu yang bersesuaian dan tidak melebihi tiga hari di dalam peti sejuk serta gunakan bahan yang segar dan air yang bersih untuk memasak,” ujar beliau. 



Sesiapa sahaja berdepan risiko

PERTUBUHAN

Kesihatan Sedunia (WHO) merekodkan daripada 600 juta penduduk di seluruh dunia, satu daripada 10 orang jatuh sakit setiap tahun akibat daripada makan makanan yang tercemar.

Malah seramai 420,000 orang telah mati setiap tahun di mana dianggarkan 168,000 (40 peratus) daripadanya adalah kanak-kanak di bawah umur lima tahun akibat penyakit yang disebabkan oleh pencemaran makanan.

Pegawai Perubatan Medical Mythbusters Malaysia, **Lt Kol (Dr) Rusyainie Ramli** berkata kaedah penyimpanan makanan yang tidak betul dan membiarkan makanan terdedah dalam jangka masa yang lama juga boleh menjadi punca.

"Makanan yang berada dalam keadaan suhu bilik sepatutnya dinikmati dalam masa empat jam sementara yang sudah dimasak, jika disimpan dalam peti sejuk bahagian chiller boleh bertahan sehingga tiga ke lima hari tetapi selepas dipanaskan mesti dihabiskan atau dibuang.

"Manakala yang disejukkan, boleh tahan selama satu bulan tetapi selepas dinyahbeku dan dipanaskan, kena juga buang kalau masih belum habis bagi mengelakkan bakteria membiak dalam makanan tersebut.

"Disebabkan itu, cara pengendalian makanan amat penting dan seseorang peniaga perlu melengkapkan diri



RUSYAINIE

dengan pengetahuan pengendalian makanan bagi meminimalkan risiko mencemari makanan jualan mereka," ujarnya.

Rusyainie berkata kes keracunan makanan boleh berlaku pada setiap peringkat umur tanpa mengira usia dengan beberapa simptom yang jelas.

"Pesakit akan mengalami simptom seperti cirit-birit, muntah dan sakit abdomen dalam masa enam jam selepas makan makanan yang dicemari *Salmonella* dan boleh berlarutan sehingga empat ke tujuh hari manakala mereka yang keracunan akibat bakteria *B cereus* akan loya dan muntah dalam tempoh 30 minit hingga lima jam selepas mengambalnya dan kebiasaannya simptom akan hilang dalam 24 jam.

"Justeru, amat penting memastikan badan berada dalam keadaan optimum dan mereka yang mengalami keracunan makanan perlu menggantikan semula cairan badan yang hilang menerusi cirit-birit atau muntah.

"Selain itu, mereka juga perlu simpan makanan yang tercemar untuk pemeriksaan selanjutnya oleh pihak berkuasa daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Jangan dibuang.

"Pastikan tiada orang lain makan makanan yang disyaki tercemar dan maklumkan segera kepada pejabat kesihatan daerah terdekat," jelasnya.

Mengulas lanjut, Rusyainie

berkata mencegah lebih baik daripada merawat dan terdapat beberapa langkah yang pengendali makanan boleh amalkan bagi mengelakkan berlakunya kes keracunan makanan ini sama ada di rumah atau premis perniagaan.

"Pengendali makanan perlulah memastikan dirinya dan persekitaran sentiasa berada dalam keadaan bersih, basuh tangan setiap kali selepas ke tandas, basuh dan sanitasi permukaan serta peralatan yang digunakan untuk menyediakan makanan dan pastikan kawasan dapur bebas dari serangga, haiwan perosak dan binatang lain.

"Seterusnya sentiasa asingkan makanan mentah dan yang sudah dimasak dengan menggunakan peralatan yang berasingan seperti pisau dan papan pemotong untuk makanan mentah serta simpan makanan mentah dan yang telah dimasak dalam bekas bertutup dan berasingan bagi mengelakkan jangkitan silang.

"Selain itu, pastikan makanan dimasak dengan sempurna, simpan makanan yang dimasak pada suhu yang betul, elakkan menyimpan makanan yang telah dimasak melebihi empat jam di dalam suhu bilik, bahan mentah mestilah segar dan dibasuh bersih sebelum digunakan, terutamanya jika dimakan begitu saja seperti ulam-ulaman dan jangan gunakan makanan yang telah tamat tempoh.

"Paling penting buat pengguna di luar sana adalah sentiasa memilih tempat yang bersih apabila makan di luar," kongsinya.

KES KERACUNAN MAKANAN YANG DILAPORKAN

2 April 2024 - Dua pesakit dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU), lima kes dimasukkan ke wad biasa dan satu kes dirawat sebagai pesakit luar selepas memakan kupang yang dibeli dari dua pasar di sekitar Port Dickson.

20 April 2024 - 75 pelajar di sebuah sekolah menengah di Kota Bharu mengalami keracunan makanan selepas menikmati nasi bungkus bersama kuah gulai dan ayam goreng. Difahamkan pengusaha kantin sekolah terbabit juga telah dikenakan kompaun selain turut diberi penerangan berhubung pengurusan makanan yang betul oleh Jabatan Kesihatan Negeri.

28 APRIL 2024 - Lima mangsa mengalami keracunan makanan selepas memakan kuih yang dibeli di sebuah pasar di Marang di mana empat mangsa dirawat di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) dan seorang lagi di Klinik Kesihatan Bukit Payung dengan kesemuanya berada dalam keadaan stabil.

20 MEI 2024 - Kira-kira 65 murid sesi pagi Sekolah Kebangsaan Bandar Puteri Jaya, Kedah mengalami keracunan makanan selepas makan di kantin.

10 JUN 2024 - 82 individu mengalami gejala keracunan makanan selepas menikmati sarapan pada Program Kemahiran Amal Islami (KAMIL) Peringkat Daerah Gombak.

11 JUN 2024 - Jabatan Kesihatan Negeri Melaka menerima satu kes keracunan makanan yang dipercayai berpunca daripada memakan kupang melibatkan seorang lelaki berusia 34 tahun yang dimasukkan ke Hospital Alor Gajah pada 8 Jun lalu.

12 JUN 2024 - Seramai 24 pelajar tingkatan satu hingga lima sebuah sekolah asrama penuh di Jempol dimasukkan ke hospital kerana disyaki mengalami keracunan makanan selepas menikmati juadah tengah hari di asrama sekolah itu.

27 JUN 2024 - 90 pelajar dan sembilan warga pendidik terkesan akibat keracunan selepas dipercayai memakan ayam goreng di kantin sebuah sekolah menengah di Batu Pahat.

PENCEMARAN BOLEH BERLAKU AKIBAT:



1 Jangkitan bakteria, virus dan parasit.

2 Toksin yang dihasilkan oleh tumbuhan ataupun haiwan seperti cendawan, alga dan ikan yang tertentu (seperti ikan buntal).

3 Toksin yang dihasilkan oleh bakteria dalam makanan sebelum dimakan.

4 Bahan-bahan kimia tertentu seperti racun serangga, racun rumpai, bahan pencuci kimia, aditif makanan seperti pengawet yang berlebihan.

Kebersihan kunci utama bagi peniaga

PENIAGA memainkan peranan penting dalam memastikan keselamatan hidangan bagi mengelakkan berlakunya kes keracunan makanan kepada pembeli.

Pelbagai faktor boleh menjadi penyumbang kepada kes berkenaan antaranya pencemaran silang, pengabaian suhu memasak atau suhu penyimpanan, teknik masakan yang tidak betul dan sebagainya.

Salah seorang peniaga, **Nuran Feizal**, 40, kualiti dan kebersihan makanan adalah perkara asas yang tidak boleh dipandang ringan terutama oleh peniaga jalanan.

"Antara perkara yang kami tekankan kepada pekerja adalah jangan meletakkan makanan yang sudah atau tidak perlu dimasak bersama dengan bahan mentah, memakai sarung tangan ketika memegang makanan dan jangan memegang benda lain selain makanan menggunakan sarung tangan yang sama.

"Selain itu, sebagai pengendali makanan semestinya pekerja kami mengambil suntikan tifoid dan kursus pengendalian makanan,"

ujarnya.

Menyadari perniagaan jalanan berisiko terdedah kepada punca berlakunya keracunan makanan, Nuran berkata dia akan memastikan makanan dalam keadaan baik sebelum dijual.



NURAN

"Saya juga selalu berpesan kepada pekerja supaya merasa makanan yang dijual terlebih dahulu untuk mengelakkan perkara tidak diingini.

"Namun saya yakin setiap peniaga mempunyai strategi dan cara masing-masing dalam mengendalikan

makanan yang dijual. Setiap keadaan boleh diguna pakai selagi ia tidak mendatangkan kemudaratan.

"Walau bagaimanapun, kebersihan adalah kunci utama dalam pengendalian makanan dan ia bukanlah sesuatu yang boleh dikompromi," ujarnya.

Bagi pemilik BBQ Lamb KL Kemensah, **S Ibariyanurmi Ibarahim**, 46, pihaknya tidak pernah menggunakan kaedah memanaskan semula makanan.

"Cara saya kalau nak makan pagi masak pagi, makan malam masak malam tapi sebenarnya tiada masalah untuk panaskan lauk selagi mana pengendali makanan itu menitikberatkan soal kebersihan serta kualiti makanan tersebut.

"Sebagai contoh sayur-sayuran yang digunakan perlulah direndam terlebih dahulu bukan sekadar lalu air dan terus campak ke dalam kuah," katanya yang lebih dikenali sebagai Mem.

Berkongsi tips untuk mengelakkan makanan daripada basi, Mem berkata ia bergantung kepada cara penyediaan makanan tersebut serta kaedah penyimpanannya.

"Semasa proses penyediaan makanan itu, perlu pastikan ia tidak dicemari dengan sebarang kuman atau bakteria kerana itu akan membuatkan makanan itu lebih tahan.

"Sebenarnya untuk semua jenis makanan kita kena tahu tempoh masakan yang bersesuaian untuk mengelakkan ianya basi. Itu adalah ilmu masakan yang perlu ada dalam setiap diri pengendali makanan," ujarnya yang menjalankan perniagaan sejak tahun 2017.



IBARIYANURMI

PEROSAK SUNGAI

SYUQQREE DAIN
Video: HASIF HALIMI

KAN tombot atau lebih dikenali sebagai ikan bandaraya oleh masyarakat setempat sering dijadikan sebagai ikan belian rumah dalam kalangan peminat akuarium kerana sifatnya yang mampu membersihkan kotoran, alga serta ikan-ikan yang mati.

Pemilik biasanya akan melepaskannya ke sungai kerana ia semakin membesar dan mampu merosakkan tumbuhan dan dekorasi akuarium.

Berasal dari Amerika Selatan, kehadiran *Hypostomus Plecostomus* ini disifatkan sebagai ancaman yang kritikal kerana ia merupakan spesies invasif paling dominan dan sukar dimusnahkan.

Kewujudannya di perairan menyebabkan kepupusan ikan tempatan dan merosakkan ekosistem perairan negara. Selain membiak dengan cepat, ia juga turut menebuk lubang di tebing sungai untuk bertelur sekali gus menyebabkan tebing terhakis dan runtuh.

Bagi menghalangnya daripada terus bermaharajalela, Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya (KPIB) ditubuhkan pada 2023 bagi membersihkan sungai dari terus didominasi oleh spesies ikan pendatang ini.

Menurut Pengasasnya, **Mohamad Haziq A. Rahman**, ahli serta sukarelawan yang menyertai KPIB merupakan pencinta ekosistem air tawar yang juga merupakan pemancing tegar dari seluruh negara.

"Komuniti ini ditubuhkan sejak 2023 dan komited dalam usaha membersihkan sungai daripada terus didominasi oleh spesies ikan asing ini. Antara aktiviti yang dilakukan pada hari ini adalah menjala bermula pukul 8 hingga 11.30 pagi di mana kita berjaya mendaratkan sebanyak 737 kilogram ikan bandaraya," ujarnya yang ditemui pada Program Pemuliharaan Sumber Perikanan Darat Sungai Langat yang dianjurkan oleh Jabatan Perikanan Negeri Selangor di Denai Sungai Kebangsaan, Hulu Langat baru-baru ini.



IMBAS KOD QR UNTUK MENONTON VIDEO





Gerbang Laut 15 juta tahun

KHAIRUL IDIN

TANJUNG Kubong yang terletak di Kampung Lubuk Temiang, Labuan merupakan antara lokasi indah yang menjadi tumpuan pelancong jika berkunjung ke pulau tersebut.

Mengikut sejarah, kawasan yang berada kira-kira 12 kilometer (km) dari bandar Labuan itu merupakan lokasi aktiviti perlombongan arang batu suatu ketika dahulu.

Ia bukan sahaja kaya dengan peninggalan artifak yang menceritakan tentang aktiviti

perlombongan yang pernah terdapat di situ bahkan kaya dengan khazanah alam iaitu Geotapak Pantai Tanjung Kubong yang terdiri daripada Formasi Belait berusia 15 juta tahun.

Turut dikenali sebagai Gerbang Laut, ahli geologi menerusi kajian menyatakan ia terhasil daripada mendapan pada Zaman Miosen Akhir hingga Pliosen.

Keindahan struktur pada batuan yang terhasil kesan hakisan pada Gerbang Laut menjadi lokasi buruan pendaki, pencinta alam

serta tidak ketinggalan jurugambar untuk mengabadikan kenangan di lokasi berkenaan.

Sebelum tiba di lokasi Gerbang Laut, pengunjung perlu berjalan kaki kira-kira dua kilometer dari Muzium Chimney sambil berpeluang menikmati pemandangan alam semula jadi bertemankan kicauan burung serta pasir pantai yang memutih.

Menurut Ketua Muzium Chimney

Labuan, **Nurlina Hamza**, batuan-batuan yang terbentuk di Geotapak itu ditafsirkan sebagai enapan sungai berburai yang terhasil pada 15 juta tahun dahulu dan merupakan jujukan bawah Formasi Belait.

“Gerbang Laut terhasil akibat hakisan air laut yang pada awalnya membentuk gua laut yang menghakis di kawasan satah yang lemah dengan membentuk ruang pelbagai dimensi yang bergantung dengan intensiti hakisan.

“Singkapan batuan di sini sangat segar dan sempurna serta mempamerkan lapisan-lapisan batu pasir tebal yang berkedudukan hampir mendatar.

“Hakisan yang berterusan ke atas permukaan berkenaan akan menghasilkan bukaan di kedua-dua bahagian batuan atau sehingga ke hujung gua. Ia dikategorikan dalam evolusi landskap yang berkaitan dengan bentuk atau rupa bumi unik di sekitar pantai di Labuan,” ujarnya.

LABUAN MILIKI 16 GEOTAPAK

SELAIN Gerbang Laut yang terdapat di Tanjung Kubong, Labuan turut mempunyai 16 Geotapak yang dikategorikan dalam evolusi landskap yang berkaitan dengan bentuk atau rupa bumi unik di

sekitar pantai pulau tersebut.

Antaranya adalah Lidah Pasir iaitu sekitar 700 hingga 800 meter di Pulau Kuraman, Pentas Hakisan dan Tafoni di sekitar Pantai Kubong dan Layang-Layangan.

“Ini adalah antara tapak Geotapak daripada 16 secara keseluruhannya.

Namun Gerbang Laut di Tanjung Kubong antara lokasi utama para pengunjung dalam dan luar untuk menyaksikan sendiri keunikan yang ada pada struktur batuan hakisan yang begitu menarik.

“Apa yang menariknya kesemua tapak ini mudah dikunjungi dan diakses tanpa memerlukan kos yang tinggi atau peralatan yang canggih untuk

sampai ke destinasi.

“Pengunjung juga akan berasa tertarik memandangkan sepanjang perjalanan untuk tiba ke destinasi tersebut mereka dapat menikmati khazanah alam semula jadi yang masih terpelihara,” ujarnya.

Dalam masa sama, beliau berharap semua pihak berwajib memainkan peranan dalam usaha mengangkat Geopark Labuan ini sebagai lokasi pelancongan agar ia tidak dipandang sepi selain memperkenalkan kepada dunia kelebihan khazanah alam tersebut.

“Geotapak yang terdapat di pulau ini merupakan satu lagi penemuan keunikan yang bernilai saintifik untuk masa depan sektor pelancongan di Labuan yang mana secara tidak langsung boleh menjana ekonomi dalam jangka masa yang panjang,” ujarnya. 📍



NURLINA



Penulis tidak boleh mengalah


SABRINA SABRE

KERAMAHANNYA membuat sesi temu bual terasa berlalu begitu pantas. Tegur katanya yang tersusun menunjukkan kematangan dan pengalamannya malah ia juga menjadi modal bagi dirinya menarik masyarakat untuk terus membaca karya-karya yang dihasilkan.

Siapa sangka jejak bertubuh tinggi lampai dan berkulit sawo matang ini mempunyai semangat serta keazaman yang tinggi untuk menggapai impian sehingga berjaya dalam bidang penulisan.

Menurut penulis berbakat yang berasal dari Jawa Barat Indonesia, **Nuril Basri**, beliau bersyukur kerana dapat merasai nikmat sebenar kehidupan yang penuh dengan kebahagiaan, keseronokan dan ketenangan apabila dapat melakukan perkara yang diminatinya.

“Bakat dan minat adalah dua perkara yang berbeza, pandai melakukan sesuatu tidak bermaksud itulah perkara yang kita minat namun yang pasti, hidup akan lebih bermakna sekiranya dapat melakukan apa yang diminati.

“Saya bersyukur dapat mencapai impian sebagai seorang penulis dan menjadikannya kerjaya tetap kerana amat meminati bidang penulisan.

“Bakat menulis boleh singgah dalam kamus hidup sesiapa sahaja asalkan mereka mempunyai minat, kehendak dan kesungguhan. Penghasilan karya yang baik bukan bergantung kepada bakat semata-mata tetapi juga memerlukan usaha tanpa jemu untuk menambah ilmu pengetahuan melalui pembacaan luas termasuk siaran media cetak dan elektronik.

“Ketahuilah anda tidak akan berjaya menjadi penulis sekiranya anda tidak menjadi pembaca terlebih dahulu. Penulis mestilah suka membaca kerana seorang ulat buku dapat memikirkan tentang pelbagai idea daripada bahan pembacaannya. Golongan penulis perlu memperbanyakkan rujukan atau bacaan untuk menghasilkan karya kreatif bermutu tinggi dan mengangkat tema secara bijaksana.

“Untuk menjadi seorang penulis yang baik, anda perlu rajin membaca, menelaah dan memerhati kerana ia adalah cara terbaik untuk terus belajar dan berkembang. Yang paling penting, jangan berhenti menulis. Ingatlah, hampir semua penulis terkenal pernah mengalami manuskrip atau ideanya ditolak oleh penerbit berkali-kali,” ujar beliau.

Berkongsi kehidupan sebagai penulis, Nuril berkata antara faktor yang mendorong beliau untuk mencapai cita-citanya itu adalah kerana industri penulisan menawarkan beberapa kelebihan iaitu berpotensi besar meraih pulangan lumayan melebihi kerjaya makan gaji, masa yang fleksibel dan peluang mendidik masyarakat melalui karya dihasilkan.

“Namun seperti kerjaya lain, bidang itu juga menjanjikan cabaran terutama untuk penggiat baharu bagi mengetengahkan nama, menerbitkan manuskrip dan menarik minat pembaca.

“Seorang penulis tidak



boleh mengalah dan perlu membuang jauh perkataan gagal selain gigih berusaha mencari kaedah tambahan untuk menjual karya yang dihasilkan. Seiring kecanggihan teknologi kini, terdapat pelbagai cara yang boleh digunakan untuk mempromosi dan memasarkan produk penulisan sekali gus mencari peluang membina nama.

“Selain itu, ilham adalah aset penting bagi setiap penulis. Justeru, penggiat bidang itu harus bijak menjana idea dengan cara tersendiri. Kalau saya punya idea, saya tidak akan biarkan begitu saja sebaliknya akan terus menulis tidak kira di mana pun,” ujarnya.

Mula menulis ketika berusia 22 tahun, Nuril menekankan hal yang paling dititikberatkan olehnya adalah peningkatan mutu karya dan estetika.

“Biasanya selepas sesebuah karya itu terbit, saya ambil masa untuk meneliti kelemahan dan kekurangan yang sepatutnya dihindarkan,” ujarnya.

PASARAN INDONESIA & MALAYSIA

BERPENGALAMAN selama 15 tahun dalam bidang penulisan, novel karya jejaka berusia 37 tahun yang berjudul Gula, Dosa, Sunyi, Enak dan Romantis itu turut diminati oleh pencinta buku di Malaysia.

“Saya diundang oleh penerbit

Buku Fixi untuk datang ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) bagi meraikan para peminat di Malaysia. Ia merupakan satu pengiktirafan serta kenangan berharga yang tidak akan dilupakan.

“Tanpa Malaysia rasanya seperti mati lampu. Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada pihak PBAKL kerana memberikan peluang kepada saya,” ujarnya.

Menurut Nuril, industri buku di Malaysia dan Indonesia mempunyai perbezaan yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor antaranya adalah dari segi skala dan jangkauan pasaran.

“Dengan populasi lebih dari 279 juta orang, Indonesia mempunyai pasaran buku yang lebih luas dan pelbagai berbanding Malaysia yang mempunyai populasi sekitar 34 juta orang. Jumlah buku yang diterbitkan di Indonesia setiap tahun adalah sangat tinggi dengan pelbagai genre dan kategori. Pasaran buku di Indonesia juga didorong oleh populasi pelajar yang besar di samping inisiatif literasi yang meluas.

“Di Malaysia, walaupun pasaran buku lebih kecil, ia tetap dinamik dan terus berkembang terutamanya dengan acara sokongan seperti PBAKL selain pelbagai inisiatif kerajaan untuk mempromosikan budaya membaca termasuk dengan pemberian baucar buku seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim,” ujar beliau.

Tambahnya, salah satu faktor utama mengapa banyak buku ke Malaysia adalah kerana kesamaan bahasa dan budaya yang membolehkan karya-karya tersebut mudah diterima oleh pembaca Malaysia.

“Namun, senario yang sama sukar dilihat berlaku di Indonesia mungkin kerana beberapa faktor seperti industri

penerbitan di Indonesia adalah lebih besar dan lebih kompetitif dengan banyak penerbit besar yang dominan. Ini menyebabkan persaingan yang sengit dan menyukarkan buku dari luar termasuk Malaysia untuk mendapat tempat di pasaran.

“Selain itu, selera dan preferensi pembaca mungkin berbeza. Buku dari Malaysia mungkin memerlukan lebih banyak usaha pemasaran dan adaptasi untuk menarik minat pembaca Indonesia. Faktor persepsi dan branding buku dari Indonesia sering dianggap lebih menarik dan memiliki daya tarikan komersial yang kuat di Malaysia. Ini mungkin kerana beberapa penulis Indonesia telah mencapai status kultus atau telah diadaptasi ke dalam bentuk lain seperti filem dan drama yang membantu meningkatkan populariti mereka.

“Seterusnya, hubungan dan kerjasama antara penerbit di kedua-dua negara juga memainkan peranan penting. Contohnya, program pertukaran budaya dan literasi serta pameran buku bersama boleh membantu meningkatkan visibiliti buku Malaysia di Indonesia,” ujarnya.

USAH BUNUH INDUSTRI BUKU

DALAM masa sama, Nuril berkata budaya membaca perlu dikekalkan lantaran menyedari kegagalan berbuat demikian bakal ‘membunuh’ industri buku serta karyawannya.

“Kegagalan mengekalkan budaya membaca akan menghancurkan usaha kerajaan dalam membina negara bangsa yang berjaya. Semua pihak perlu berganding bahu untuk menerapkan budaya membaca bagi melahirkan masyarakat bertamadun, berilmu pengetahuan dan berkeperibadian unggul.

“Ia juga membunuh industri buku dan karyawannya. Pihak kerajaan dan agensi berkaitan perlu melaksanakan usaha yang lebih giat bagi memajukan lagi industri penerbitan buku tempatan dan menggalakkan aktiviti yang berkaitan dengannya,” ujar beliau. 📖



BRIEF-i sokong usahawan komuniti minoriti

SYED HAZIQUE

KEMENTERIAN Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) menerusi agensinya, Bank Rakyat meluluskan sebanyak 43 permohonan Program Pembiayaan Bank Rakyat Indian Entrepreneur Financing-i (BRIEF-i) bernilai RM3.8 juta.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, **Datuk Ramanan Ramakrishnan** berkata setakat 27 Jun lepas, BRIEF-i telah merekodkan melebihi 1,000 pertanyaan daripada usahawan di seluruh negara.

“Daripada jumlah ini, sebanyak 135 permohonan sedang diproses melibatkan jumlah pembiayaan sebanyak RM5.7 juta.

“Bank Rakyat juga telah meluluskan sebanyak 43 permohonan yang berjumlah RM3.8 juta dengan sasaran jumlah kelulusan sebanyak RM4 juta,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa Majlis Penyerahan Cek Cura Program Pembiayaan BRIEF-i di Menara 1 Bank Rakyat, baru-baru ini.

Tambah Ramanan, kerjasama antara kerajaan dengan institusi kewangan seperti Bank Rakyat adalah amat signifikan dalam membantu para usahawan mencapai matlamat perniagaan mereka.

“Dengan adanya program pembiayaan seperti BRIEF-i, kerajaan dapat memastikan bahawa lebih ramai usahawan India mampu mengakses dana yang diperlukan bagi mengembangkan perniagaan mereka, sekali gus memacu



RAMANAN ketika menyampaikan cek cura Program Pembiayaan (BRIEF-i) di Menara Bank Rakyat.

pembangunan sosioekonomi masyarakat India.

“Seperti yang kita sedia maklum, BRIEF-i menawarkan pembiayaan yang patuh syariah dengan kadar keuntungan yang kompetitif dan syarat yang fleksibel.

“Ini adalah satu langkah progresif yang akan memberikan manfaat besar kepada usahawan India.

“Program BRIEF-i adalah contoh terbaik bagaimana kita dapat menyokong keusahawanan dalam kalangan komuniti minoriti, selaras dengan aspirasi negara serta mandat Perdana Menteri, Datuk Seri

Anwar Ibrahim untuk memastikan tiada siapa yang ketinggalan dalam arus pembangunan,” katanya.

Dalam pada itu, Pengerusi Bank Rakyat, Datuk Mohd Irwan Mohd Mubarak turut merakamkan penghargaan kepada pelanggan Bank Rakyat atas keyakinan dan sokongan yang diberikan membolehkan ia terus memenuhi mandat dan fokus utamanya demi kemakmuran dan kesejahteraan Keluarga Madani.

“Menjadi harapan Bank Rakyat agar menerusi program BRIEF-i ini dapat membantu usahawan untuk

berinovatif selain dapat mengakses dan meneroka peluang perniagaan era digital.

“Seterusnya dapat membantu memacu pemecutan pertumbuhan dan kestabilan sektor keusahawanan ke arah pembangunan sosioekonomi negara yang lebih progresif dan inklusif,” ujarnya.

Bank Rakyat memperuntukkan RM50 juta menerusi BRIEF-i khusus untuk komuniti usahawan India yang menjalankan perusahaannya mikro, kecil dan sederhana (PMKS) bagi penyediaan modal kerja dan perbelanjaan modal

untuk membolehkan usahawan mengembangkan perniagaan.

Sementara itu, Pengarah TPL Food Processing (M) Sdn Bhd, Kamlanathan Arumugam berkata program pembiayaan BRIEF-i adalah satu inisiatif yang sangat bagus bagi membantu para usahawan tempatan.

Menurutnya, dengan menerima dana berjumlah RM1 juta daripada program itu, dia mampu untuk mengembangkan lagi perniagaannya.


“Syarikat saya merupakan syarikat memproses daging, dan usia perniagaan baru sahaja mencecah dua tahun.

“Program Bank Rakyat ini secara tidak langsung membantu para usahawan tempatan untuk terus bersaing dalam arena ini.

“Dengan dana yang diterima ia secara tidak langsung membantu saya memiliki modal untuk terus mengembangkan lagi perniagaan dan membantu tahap kewangan syarikat,” katanya.

Tambah Kamlanathan, dia terkejut kerana proses kelulusan amat mudah dan hanya memakan masa selama 10 hari sahaja.

“Prosesnya amat mudah, ia hanya memerlukan masa 10 hari untuk lulus selain segala dokumen yang perlu dilengkapkan juga amat mudah.

“Saya menyeru para usahawan di luar sana untuk mencuba program ini, ia ternyata membantu untuk terus kekal bersaing di pasaran masa kini,” ujarnya. 

Kraf Sulaman Goyang pelihara warisan negara

KOMUNITI Kraf Sulaman Goyang yang diperkenalkan sejak 2022 bukan sekadar membantu peserta menjana pendapatan malah turut memelihara kaedah sulaman tradisional itu terus kekal sebagai warisan negara.

Kraf sulaman goyang ialah teknik sulaman tradisional yang melibatkan penggunaan benang dan jarum untuk menghasilkan corak yang bergerak atau goyang, sering digunakan dalam kraf tangan tempatan untuk menghias pakaian terutama kebaya Baba Nyonya, kain atau aksesori dengan corak berwarna-warni.

Pengarah Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) Cawangan Pulau Pinang, **Yusri Gulam** berkata peserta Komuniti Kraf Sulaman Goyang diajar secara berfasa dengan memfokuskan peningkatan kemahiran dengan berperingkat mengikut modul yang ditetapkan.

“Komuniti Kraf Sulaman Goyang menghasilkan pelbagai produk kraf sulaman goyang seperti sapu tangan, tudung bawal, selendang dan baju kebaya sementara



HALIMATON banyak menghasilkan sulaman goyang pada harga RM50 ke atas.

keunikannya kerana keaslian corak depan serta belakang yang sama selain disulam halus di atas permukaan kain kapas atau kasa robia.

“Berdasarkan maklumat peserta, mereka mampu memperoleh RM150 hingga RM500 bagi setiap helai baju kebaya,” katanya kepada pemberita

pada Program Media Turun Padang yang bertujuan meninjau mengenai perkembangan komuniti berkenaan.

Komuniti Kraf Sulaman Goyang yang dibangunkan di bawah Projek Pembangunan Kemahiran Komuniti (PPKK) Kepala Batas itu ialah inisiatif Kraftangan Malaysia, bertujuan memberi pendedahan

dan membangunkan kemahiran peserta dalam penghasilan produk kraf sulaman goyang yang menarik serta berkualiti untuk dipasarkan bagi menjana pendapatan.

Yusri berkata terdapat antara peserta yang menjadi usahawan kraf itu selain memasarkan kepada usahawan terlibat untuk dijual kepada pembeli.

Beliau berkata pihaknya berhasrat menjadikan industri kraf tangan sulaman goyang bukan sahaja membawa manfaat ekonomi tetapi turut memperkukuh warisan budaya Malaysia terutama di Pulau Pinang sekali gus memberi kesempatan kepada generasi muda untuk terlibat dalam aktiviti yang memupuk kesabaran serta ketelitian.

“Sebab itu kita buat semula kursus ini di Pulau Pinang kerana mahu menjadikan sulaman goyang sebagai warisan budaya di sini, setakat ini yang kita tahu memang negeri ini sahaja ada sulaman goyang,” katanya.

Sementara itu, seorang guru Kelas Agama Fardu Ain (KAFA) di Kepala Batas **Halimaton Saadiah**

Talib, 41, berkata dia boleh menjahit pakaian namun mengikuti kursus berkenaan kerana mahu belajar sulaman goyang.

Halimaton berkata ia nampak mudah namun sebenarnya perlu lebih penelitian dan kemahiran serta kelembutan tangan bagi menghasilkan pelbagai corak sulaman.

“Saya lebih banyak hasilkan sulaman goyang di tudung dan dijual pada harga RM50 ke atas mengikut corak yang dihasilkan, pembeli juga boleh memilih corak yang mereka mahukan untuk dihasilkan atas tudung mereka,” katanya yang gembira dan teruja dapat mempelajari teknik itu.

Sebanyak enam PPKK di Pulau Pinang telah dilaksanakan dengan melahirkan 97 orang komuniti kraf baharu merangkumi bidang kraf tekstil dan aneka kraf, setakat tahun ini.

Komuniti Kraf Sulaman Goyang turut menyertai simulasi perniagaan di Festival Kraf Pulau Pinang pada 5 hingga 14 Julai ini di Seberang Perai Arena Convention Centre, di sini. - **BERNAMA**



YANG di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Penyerahan Jalur Gemilang kepada Kontinjen Malaysia ke Sukan Olimpik dan Sukan Paralimpik Paris 2024. Turut hadir, Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerima kunjungan hormat Yang Dipertua Dewan Perundangan Majlis Oliy Uzbekistan, Dr Nuriddin Ismoilov.



TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof mengadakan Perjumpaan dan Perbincangan berhubung isu Kolam Takungan Banjir Kampung Bohol, Mukim Petaling.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa berkesempatan membuat Lawatan Turun Padang Lestari Niaga @ Kuala Lumpur di Medan Selera Tanglin pada Selasa.



MENTERI Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad mengadakan kunjungan ke Institut Biologi Molekular Perubatan UKM (UMBI) yang merupakan salah satu penyumbang utama kepada kemajuan penyelidikan bioperubatan di Malaysia.



MENTERI Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani menerima kunjungan hormat daripada Pesuruhjaya Tinggi India ke Malaysia, T.Y.T B.N Reddy, di Kementerian Perladangan dan Komoditi.



Program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional

YWP peruntuk RM600,000 untuk belia asnaf

DIANA AMIR

MENYAMBUT baik seruan kerajaan dalam menjadikan bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) sebagai pilihan utama lepasan sekolah menengah, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) tampil dengan Program TVET YWP.

Menurut Pengarah Eksekutif YWP, **Abdul Rahman**

Siraj, pihaknya baru sahaja menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama pihak Akademi Binaan Malaysia yang merupakan anak syarikat kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) baru-baru ini.

“YWP memperuntukkan sebanyak RM600,000 bagi membantu belia-belia asnaf untuk kursus kemahiran jangka pendek secara percuma dalam bidang yang

mempunyai permintaan tinggi seperti penerbangan, kecerdasan buatan (AI), kimpalan, *tower crane operator* dan pekerja binaan.

“Program TVET YWP adalah inisiatif yang menyediakan latihan teknikal dan vokasional kepada individu yang berminat untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang tertentu seperti teknologi maklumat, automotif, kejuruteraan, hospitaliti serta minyak dan gas. Kursus-kursus ini diuruskan secara strategik oleh rakan kerjasama YWP yang merupakan pakar dan tauliah dalam industri tersebut untuk mengeluarkan sijil-sijil profesional.

“Matlamatnya adalah untuk melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan memenuhi keperluan industri semasa,” katanya dalam Program Selamat Pagi Malaysia yang disiarkan secara

langsung menerusi saluran RTM.

Abdul Rahman berkata perbezaan antara Program TVET YWP dan di kolej vokasional lain adalah tempoh pengajian yang pendek iaitu selama tiga hingga empat bulan sahaja.

“Di bawah Program TVET YWP, pelajar akan dibimbing dan kita menyediakan laluan terus untuk bekerja sejajar dengan kursus yang diambil. Saya boleh katakan kira-kira 90 hingga 95 peratus pelajar dijamin akan mendapat tempat dalam dunia pekerjaan.

“Antara syarat kelayakan lain adalah pemohon mestilah merupakan warga Wilayah Persekutuan berumur 18 tahun ke atas dan berminat dalam bidang teknikal dan vokasional. Keutamaan akan diberikan kepada mereka yang layak,” ujarnya. 📌



SEKITAR sesi Taklimat dan Temuduga Program TVET YWP di Labuan pada Mei lalu.

Transformasi pemimpin muda PA

BAGI memperkasa potensi pemimpin muda dalam kalangan komuniti Perumahan Awam (PA), Persatuan Belia Seri Cempaka di bawah Program Kita-Untuk-Kita (K2K) oleh Think City menganjurkan Sidang Anak Muda K2K bertempat di Dewan Tuna, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Cyberjaya baru-baru ini.

Menurut Pengarah Program K2K, **Dr Shahridan Faiez**, program bersimulasi persidangan Parlimen itu diwujudkan khusus untuk penyertaan golongan belia di PA bagi melatih dan melahirkan generasi pemimpin baharu belia yang berwibawa, berkeyakinan dan proaktif sebagai penggerak komuniti dan golongan aktif dalam komuniti mereka.

“Platform seperti Sidang Anak Muda K2K dapat menggalakkan pemikiran kritis, penyelesaian masalah dan kebolehan pengucapan awam. Ini memupuk ruang di mana golongan belia boleh berbincang serta berkongsi pendapat dan kebimbangan mereka, membolehkan suara mereka didengari.

“Generasi muda di perumahan awam adalah pemangkin transformasi masyarakat. Melabur dalam pembangunan anak muda adalah pelaburan untuk masa hadapan komuniti PA yang lebih cerah.

“Kita memberi peluang kepada belia untuk menyerlahkan kemahiran dan keyakinan serta menjadi peserta aktif dalam kepimpinan selain memperkasa mereka untuk melalui perubahan positif dan mencipta masa depan yang lebih cerah bukan sahaja untuk diri mereka tetapi juga untuk komuniti dan negara,” ujar beliau.

Terdahulu, seramai 40 wakil belia daripada 10 kawasan perumahan



GENERASI baru menyumbang pembentukan masyarakat MADANI.

awam di Lembah Klang menyertai Program Sidang Anak Muda K2K dan membahas serta mencadangkan idea bagi isu-isu penting menyentuh belia dan komuniti PA.

Antara isu dan usul yang dibahaskan dalam Sidang Anak Muda K2K kedua ini termasuk isu sosioekonomi, keusahawanan, pematuhan undang-undang serta kesihatan mental. Pembentangan wakil-wakil belia dikumpulkan bersama usul-usul pada sidang pertama yang lalu dan disalurkan kepada pihak kementerian agar suara serta cadangan yang dihasilkan dapat dipertimbangkan dalam agenda pembangunan negara dan Belanjawan 2025.

Shahridan berkata pemerkasaan suara komuniti terutamanya warga belia melalui Program Sidang Anak Muda K2K adalah antara strategi utama Program K2K untuk menjana transformasi PA.

“Suara belia juga membolehkan sinergi dan tenaga baharu kepada komuniti untuk menerajui transformasi PA ke arah pembentukan bandar yang berdaya huni, mampan dan inklusif selaras

dengan agenda pembangunan masyarakat Malaysia MADANI,” ujarnya.

Sementara itu, Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh berkata kerajaan memperakui dan mengangkat suara warga belia sebagai pemegang taruh yang penting dalam agenda pembangunan Malaysia MADANI.

“Saya mengucapkan tahniah kepada Think City dan Persatuan Belia Seri Cempaka kerana menganjurkan Program Sidang Anak Muda K2K ini. Sebagai salah satu Program Rakan Demokrasi, ianya memberi platform baharu kepada anak muda untuk menyumbangkan kepada pembangunan diri, komuniti dan negara.

“Saya berharap pada sidang akan datang, kita dapat melibatkan agensi-agensi kerajaan lain yang bertanggungjawab supaya isu-isu dan cadangan penyelesaian yang dibawa anak-anak muda ini sampai kepada pembuat dasar di dalam kerajaan supaya dasar yang dirangka akan relevan dan mengambil kira pandangan komuniti dari kawasan PA,” ujar beliau. 📌

Kreativiti tanpa sempadan FDAM 2024

BUAT julung kalinya Persatuan Pengarah Filem Malaysia (FDAM) mengadakan Konvensyen FDAM 2024 pada Sabtu ini.

Pengerusi FDAM, **Datuk Afdlin Shauki Aksan** berkata hari terbuka tersebut diadakan bagi memberi pendedahan kepada orang ramai khususnya kepada penggiat-penggiat seni akan fungsi persatuan yang bernaung di bawah Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) ini.

“Konvensyen ini dianjurkan untuk menerangkan peranan FDAM sebagai wadah FINAS menjaga dan memajukan industri perfileman, penerbitan kandungan digital dan yang paling utama fungsinya sebagai wadah penggiat seni bergelar sutradara atau pengarah.

“Acara-acara yang diatur mempunyai elemen mencerakin isu-isu semasa berkaitan dengan industri perfileman, penggiat seni, hiburan, pendedahan kepada perkara-perkara industri semasa, penyelesaian kepada permasalahan ahli serta penambahbaikan yang perlu ada untuk memajukan industri perfileman selaras dengan slogan persatuan Kreativiti Tanpa Sempadan,” ujar beliau.

Afdlin berkata pelbagai acara telah disusun bagi memeriahkan lagi

konvensyen tersebut bukan sahaja melibatkan pemain industri malah turut dibuka kepada orang ramai.

“Antara pengisiannya adalah dua sesi *masterclass* iaitu formula filem *box office* (perkongsian oleh Syafiq Yusof) dan formula filem *cult* (perkongsian oleh U-wei Saari) di mana ia juga bakal menjadi *prelude* kepada sesi *masterclass* berbayar yang akan diperkenalkan oleh FDAM kepada orang ramai dengan pengkhususan kepada ahli-ahlinya.

“Selain itu, kita ada sesi *town hall*, apresiasi filem, reruai promosi atau jualan, *business matching* di mana ahli-ahli FDAM mengemukakan serta membentangkan idea konten mereka kepada penerbit atau produser yang berminat dan kita juga bakal membuka peluang kepada orang ramai menyertai sesi uji bakat terbuka.

“Di sebelah malam pula, wayang pacak akan diadakan di dataran FINAS yang memberi peluang kepada orang ramai untuk menonton filem seleksi khas secara percuma,” katanya.

Justeru, orang ramai dijemput hadir bagi memeriahkan Konvensyen FDAM 2024 yang bakal berlangsung bermula pukul 9 pagi sehingga 10 malam bertempat di FINAS, Hulu Klang, Selangor pada Sabtu ini. 📌

Tiup 'roh' pemain industri tuna di Labuan

AZLAN ZAMBRY

INDUSTRI tuna khususnya di Labuan merupakan sumber kekayaan baharu yang perlu diteroka secara bersepadu. Dengan lokasinya yang strategik di Laut China Selatan, Labuan berada pada kedudukan yang baik untuk memanfaatkan permintaan global yang semakin meningkat untuk tuna. Bagaimanapun masa depan industri ini di Labuan akan bergantung pada sejauh mana ia dapat mengharungi cabaran dengan berkesan dan memanfaatkan peluangnya.

Kedudukan geografi Labuan menawarkan akses terus ke beberapa kawasan perikanan terkaya di Laut China Selatan. Perairan ini memiliki beberapa spesies tuna antaranya sirip kuning, sirip biru mata besar, dan skipjack yang sangat bernilai di pasaran antarabangsa. Dengan limpahan sumber ini, ia sewajarnya mampu mengurangkan kos operasi dan meningkatkan daya tarikan pulau itu sebagai pangkalan untuk menangkap ikan tuna dan aktiviti pemrosesan termasuklah aktiviti hiliran.

Di sebalik permintaan global untuk tuna yang semakin meningkat serta didorong oleh popularitinya sebagai sumber protein yang sihat dan peningkatan selera untuk sushi dan sashimi di pasaran Barat, Labuan sewajarnya mampu memenuhi permintaan tersebut namun terdapat beberapa kekangan yang perlu di atasi sebelum industri ini benar-benar boleh berkembang di pulau itu.

Menerusi tinjauan wartawan *Wilayahku* yang berkesempatan bertemu dengan pihak berkepentingan dalam industri ini, beberapa isu yang memperlambatkan perkembangan industri berkenaan perlu ditangani secara bersepadu agar dapat menipukan 'roh' terhadap pemain industri yang dilihat semakin 'nazak'.

PASARAN SETEMPAT

TIDAK dinafikan bahawa kerajaan menerusi agensi berkaitan telah menyediakan infrastruktur dan prasarana untuk membantu pengendalian tuna dalam setiap peringkat terutama dari golongan nelayan, pengusaha produk hiliran sehinggalah kepada pemasaran.

Menurut Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Wilayah Persekutuan Labuan, **Fadhilah Aziz**, kapasiti penangkapan nelayan tuna di Labuan pada ketika ini hanyalah kira-kira 25 tan sebulan

dan ia hanyalah untuk pasaran setempat sahaja.

"Kita bukanlah hendak kata industri ini malap, tetapi LKIM tidak fokus kerana ia lebih kepada bidang kuasa Jabatan Perikanan Labuan. Walaupun LKIM menyediakan infrastruktur yang lengkap untuk pendaratan tuna di Kiamsam, namun sehingga kini nelayan enggan menggunakan kemudahan itu kerana dakwaan tidak sesuai dan tidak selamat.

"Sebenarnya tiada isu melibatkan keselamatan kerana bot nelayan tradisi boleh juga mendarat di Kiamsam. Alasan yang dikemukakan kerana lokasi di bandar itu lebih dekat dengan pasar dan juga pemborong. Jadi kita sudah ada libat urus dengan mereka dan dinasihatkan untuk ke Kiamsam. Namun apa yang dibangkitkan itu seperti jarak yang agak jauh menjadi isu utama.

"Namun kita masih mencari solusi untuk kemudahan dan keselesaan nelayan tuna ini contohnya seperti mereka hendakkan pembeli datang dan terus ambil ikan di Kiamsam tanpa mereka perlu menunggu pelanggan atau peraih," katanya.

Fadhilah berkata setakat ini, pemain industri yang terlibat hanya satu sahaja iaitu Labuan Food Industries yang bertindak mengesport tuna selain LKIM merintis *matching* program bersama nelayan

tuna bagi membeli terus hasil tangkapan mereka.

"Ia masih dalam perbincangan dan LKIM hanyalah pemudah cara untuk semua pihak berkepentingan yang terdiri daripada nelayan dan pemancing tuna, peraih dan kami menyediakan infrastruktur serta kemudahan yang berkaitan," katanya.

Menurut Fadhilah, persatuan nelayan tuna memohon untuk mendaratkan hasil tangkapan di kawasan sedia ada, namun kerajaan telah sediakan peruntukan yang besar untuk menyediakan jeti pendaratan ikan yang bersepadu di Kiamsam dan LKIM tidak boleh menyokong kerana kemudahan yang disediakan itu sudah memadai.

"Kami juga sedang mengusahakan untuk menjadikan jeti itu sebagai pusat pengumpulan tuna serta sedang memohon untuk membangunkan bilik sejuk beku bagi tujuan penyimpanan tuna tanpa perlu kuarir hasil tangkapan rosak sebelum dibeli peraih.

"Sekarang ini, mereka tiada tempat simpanan, malah jika ia disimpan lebih lama, tuna akan rosak dan mereka terpaksa menjual

meskipun pada harga yang lebih murah sehingga terpaksa menanggung kerugian," katanya.

Tambah beliau, tiada istilah pengurangan atau kemerosotan tangkapan dan ia tidak berlaku cumanya ia melibatkan pengurusan dan segmen pasaran sahaja.

PERTINDIHAN TUGASAN ANTARA AGENSI

PERTINDIHAN tugas antara agensi berkait dengan pembangunan industri tuna turut menjadi punca ia menjadi perlahan dan hampir tidak bermaya. Menerusi semakan dalam laman web Jabatan Perikanan, mereka mempunyai Seksyen Pembangunan Tuna dan memperolehi peruntukan terus daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Daripada semakan itu juga, sewajarnya industri tuna khususnya di Labuan perlu lebih bertenaga berikutan sumber yang ada padanya tidak terhad kepada musim-musim tertentu seperti di beberapa kawasan yang lain.

Menurut Fadhilah, usaha memajukan industri tersebut telah dirintis kerajaan seperti menubuhkan pusat inkubator tuna malah ada usahawan yang tampil dengan produk-produk hiliran seperti sate tuna, burger tuna dan serunding tuna,

"Cumanya mereka ini berdepan dengan masalah pemasaran maksudnya tiada permintaan yang menggalakkan sebab produk itu tidak boleh keluar dari Labuan.

"Perkara ini pernah dibincangkan semasa sesi *townhall* bersama Menteri Pertanian sebelum ini, pengusaha burger tuna dalam sesi itu menyuarakan mengenai kerajaan meminta pengusaha mengeluarkan produk-produk hiliran tetapi apabila untuk pemasaran, kementerian tidak membantu," katanya.

Jelas beliau, produk-produk ini tidak boleh dipasarkan secara meluas kerana tidak menepati spesifikasi bermula daripada proses pengendalian bahan mentah sehingga ke peringkat pembungkusan.

"Apabila tuna ini ditangkap, proses pengendaliannya tidak menepati standard atau piawaian antarabangsa, jadi apabila ia diproses dan keluar menjadi produk, ia tidak boleh dipasarkan secara meluas dan hanya memenuhi pasaran setempat sahaja dan lebih tepatnya untuk



Labuan sahaja.

"Satu lagi masalah yang dihadapi adalah logistik, untuk menghantar ikan sejuk beku ke Semenanjung, ia agak sukar kecuali ada pelabur dan pemain industri yang memang mempunyai fokus untuk memasarkan hasil tuna ke pasaran luar," katanya.

SATE TUNA

MENURUT beliau, industri tuna ini tidak boleh bergerak secara perusahaan kecil dan sederhana (SME), sebaliknya ia perlu dilaksanakan menerusi francais dengan kerjasama syarikat besar bertaraf konglomerat yang memainkan peranan sebagai peraih atau pengilang yang mempunyai penarafan.

"Apabila orang-orang kampung yang menghasilkan produk secara kecil-kecilan mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh kilang, mereka menghantar semua kepada kilang untuk dibungkuskan mengikut kaedah pengeluaran peralatan asli (OEM) dan ia akan mempunyai pelbagai produk berkaitan tuna dan berkemungkinan mampu untuk mengubah landskap industri tuna di Labuan.

"Contohnya, seorang usahawan mempunyai resipi sate tuna, LKIM sediakan tempat pemrosesan dan syarikat terlibat akan menentukan standard yang ditetapkan serta melakukan pembungkusan dan pasarkan ke seluruh negara.

"Jika hendakkan standard sate tuna tempatan secara perseorangan, saya lihat ia hanya sekadar memenuhi keperluan setempat sahaja. Seperti ada pengusaha tempatan yang berjualan di Kompleks Sukan Air,


dalam hari-hari biasa pengusaha itu mampu menjual dari 100 hingga 200 cucuk satu malam namun sekiranya ada acara besar, jualan mampu meningkat sehingga 500 cucuk dan ia sekadar itu sahaja," katanya.

Fadhilah berkata, permintaan tuna bagi tujuan eksport juga tidak mencukupi bahkan untuk memenuhi permintaan di semenanjung juga tidak mencukupi.

"Jadi kita sedang mengisi kelompokan itu dan sedang berbincang dengan nelayan tuna di sini berikutan mereka tidak mahu menanggung risiko untuk memancing lebih banyak tuna kerana kuarir tiada tempat penyimpanan serta tiada pembeli.

"Tidak seperti nelayan di Semporna yang mempunyai *vessel* yang agak besar, nelayan di sini enggan mengeluarkan modal yang besar kerana tidak mempunyai kapasiti di bahagian segmen pesaran kerana tidak mahu menanggung risiko kerugian sekiranya tiada pembeli," katanya.

Sementara itu, Fadhilah berkata pihaknya sedang merangka pelan tindakan supaya syarikat yang dikenal pasti mengambil tuna daripada nelayan mengikut spesifikasi untuk dieksport selain mereka juga boleh menjadi pemborong dan pembekal untuk pasaran luar.

"Langkah ini perlu diambil kerana mereka turut mengenali pemain industri yang lain cuma kita yakin untuk majukan nelayan tuna ini untuk bergerak lebih jauh ke hadapan, ia lebih kepada penentuan pasaran kerana tiada tempat penyimpanan stok," katanya. 

Wujudkan pusat sehenti kurangkan kerenah birokrasi untuk pelabur

Potensi sebagai Gerbang Emas ASEAN Timur

KHAIRUL IDIN

PERTUMBUHAN ekonomi Labuan mampu dipacu semula serta menjadi penyumbang pendapatan negara yang lebih baik jika dasar dan polisi sedia ada diubah demi memanfaatkan kelebihan pulau itu.

Menurut Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), **Profesor Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal** seandainya kelebihan yang ada dimanfaatkan dengan sebaiknya, Labuan tidak memerlukan suntikan dana kerana hasil daripada pulau itu lebih daripada mencukupi.

Katanya, berdasarkan kepada faktor lokasi strategik dan perancangan nasional Labuan, ia seharusnya menjadi rujukan kepada pentadbir kerana Labuan memiliki pelbagai kelebihan untuk berkembang termasuk statusnya sebagai Pulau Bebas Cukai (PBC).

"Labuan mampu menyumbangkan ekonomi yang lebih baik kepada negara melalui perubahan polisi yang tertentu. Dengan mengambil kira kelebihan serta kekuatan yang dimiliki oleh Labuan yang mana ia tidak dimiliki oleh negeri-negeri lain," katanya



KEDUDUKAN Labuan di Borneo berpotensi untuk dimajukan sekali gus mampu meningkatkan pendapatan negara.

kepada *Wilayahku* baru-baru ini.

Beliau turut menekankan keperluan untuk menyelaraskan proses kelulusan termasuk menubuhkan pusat sehenti untuk pelabur sekali gus dapat mengurangkan kerenah birokrasi dan kelewatan membuat keputusan yang

menjadikan pulau itu lebih mesra perniagaan.

"Pihak yang berkuasa membuat keputusan juga harus ditempatkan di Labuan untuk mengelakkan kelewatan disebabkan oleh pembuat keputusan terletak di Putrajaya. Bagi saya sudah sampai

masanya untuk menyerahkan pengurusan kepada pentadbir pulau ini untuk membuat sebarang keputusan.

"Jika ia dapat dilaksanakan, saya yakin pembangunan ekonomi Labuan akan berkembang dengan lebih drastik kerana hanya petadbir yang ada di sini sahaja yang lebih tahu dan mendalam mengenai faktor-faktor yang dihadapi oleh Labuan," katanya.

Mengulas lanjut, Dr Geoffrey berkata Labuan memiliki potensi sebagai Gerbang Emas ASEAN Timur Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) tidak hanya menyediakan perkhidmatan kepada 90,000 penduduk Labuan malahan

kepada 113.9 juta penduduk Filipina, 273.8 juta (Indonesia) dan lebih 400,000 (Brunei).

"Apa yang berlaku ketika ini, lebihan yang dimiliki oleh Labuan khususnya dalam BIMP-EAGA itu tidak digunakan sebaiknya.

"Berdasarkan rekod Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menyatakan bahawa Labuan mempunyai nilai eksport sejumlah RM19.0 bilion dan RM3.4 bilion bagi import. Aktiviti perdagangan import dan eksport di pulau ini lebih besar berbanding dengan negeri lain iaitu Perlis dan Kelantan.


"Walau bagaimanapun kelebihan dan potensi yang ada di pulau ini tidak dilihat oleh pihak tertentu,

saya berpandangan bahawa sudah sampai masanya semua pihak agar melihat kelebihan yang dimiliki Labuan sebagai sebuah pulau yang berpotensi dan bukanlah sebagai saingan," katanya.

Menurut beliau lagi, potensi Labuan harus diterokai bagi merealisasikan dengan memberi tumpuan kepada usaha menarik pelaburan dan menyelaraskan proses untuk meningkatkan ekonominya.

Dengan adanya pendekatan yang berkesan untuk merealisasikan matlamat tersebut dengan menarik pelaburan asing, menghasilkan peluang pekerjaan untuk penduduk tempatan yang bukan sahaja akan merangsang pertumbuhan ekonomi tetapi juga mewujudkan tenaga kerja yang lebih mahir.

Beliau menegaskan, Labuan harus melakukan beberapa tindakan penting termasuk berubah kepada zon komersial atau perdagangan bebas untuk menarik pelabur dan syarikat asing untuk melakukan perniagaan di pulau ini.

"Sepertimana yang saya sebutkan apa yang penting adalah mengubah semula dasar polisi yang lama kepada polisi yang baharu untuk memudahkan lagi urusan perdagangan sekali gus menarik pelabur antarabangsa," katanya. 



GEOFFREY

MAIWP beri bantuan perubatan

"**DAHULU** saya hanya beli tiub kencing secara dalam talian untuk kegunaan harian. Sekarang saya terharu apabila Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) membantu membeli keperluan ini untuk memudahkan saya," kata **Abdul Hamid Jinin, 61.**

Itulah luahan bekas anggota polis yang menghidap kanser prostat dan terpaksa bergantung kepada kadar pencen untuk peralatan perubatan dan meneruskan kelangsungan hidup.

Abdul Hamid berkata selain terpaksa menanggung penyakit tersebut, dia turut menghidap darah tinggi, kolesterol, masalah paru-paru serta diabetes sehingga mengganggu penglihatannya.

"Saya bersyukur atas bantuan yang diberikan MAIWP yang sentiasa peka dan cakna memberikan bantuan kepada golongan seperti saya ini.

"Kerana penyakit ini, saya terpaksa berhenti bekerja dan pendapatan pun hanya mengharapkan pencen sahaja. Mahu beli barang peralatan perubatan pun saya tidak mampu," ujarnya yang menerima Bantuan Peralatan Kesihatan MAIWP berupa 12 unit



MOHD NIZAM (kiri) menyerahkan sumbangan kepada Abdul Hamid dalam lawatannya.


Urostomy Transparent Pouch with Accuseal Tap bernilai RM2,400 dan 12 unit Durahesive Wafer bernilai RM2,340.

Sementara itu, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, **Datuk Mohd Nizam Yahya** berkata pihaknya sentiasa prihatin kepada mereka yang memerlukan bantuan perubatan bagi memastikan masyarakat di pulau ini khususnya golongan asnaf terbelas.

"Alhamdulillah, kali ini kita mengadakan lawatan dan menyantuni

dua buah keluarga asnaf yang memerlukan bantuan peralatan kesihatan berjumlah RM22,865.

"MAIWP berharap dengan bantuan ini dapat meringankan beban mereka dengan perbelanjaan perubatan yang perlu ditanggung selama ini," katanya.

Selain Abdul Hamid, MAIWP turut menyalurkan bantuan peralatan kesihatan berupa sebuah kerusi roda dan katil mudah laras bernilai RM2,525 kepada Suriani Nasar, 46, yang menghidap diabetes kronik. 

PL kesal perbuatan vandalisme


PERBADANAN Labuan (PL) mengesah dan kesal atas perbuatan vandalisme yang dilakukan sekumpulan individu ke atas kemudahan awam yang disediakan kepada masyarakat di pulau ini.

PL dalam satu kenyataan memberitahu tindakan umpama lempar batu sembunyi tangan itu telah menyebabkan kemudahan awam di kawasan terbabit mengalami kerosakan teruk seperti tong sampah ro-ro dibakar.

"Hasil pemeriksaan pihak PL baru-baru ini, mendapati satu tong ro-ro milik PL di Pangkalan Kapor telah dibakar oleh individu tidak bertanggungjawab menyebabkan ia tidak dapat digunakan dan memerlukan pembaikan.

"Tindakan vandalisme ini merugikan kerajaan dan mengurangkan tong yang tersedia untuk kerja-kerja pemeliharaan, serta menambah kos pembaikan," katanya dalam satu kenyataan, baru-baru ini.

PL menyeru kepada semua masyarakat agar memanfaatkan kemudahan awam yang disediakan dengan sebaiknya agar dapat memberikan kelesaan kepada semua masyarakat.

"Hargailah kemudahan awam dan menggunakannya dengan sebaiknya. Mari bersama-sama menjaga kemudahan awam dan melaporkan sebarang perbuatan mencurigakan. Kebersihan dan keselamatan adalah tanggungjawab kita bersama," katanya. 

Penguat Kuasa PPj giat laksana operasi

Bentuk sikap patuh undang-undang

SABRINA SABRE

PIHAK Penguat Kuasa Perbadanan Putrajaya (PPj) sentiasa bersedia meningkatkan tindakan penguatkuasaan dalam menggalas amanah dan tanggungjawab demi kesejahteraan masyarakat Putrajaya dan semua pemegang taruh.

Menurut Pengarah Bahagian Penguat Kuasa dan Keselamatan PPj, **Fauzi Ismail**, bidang penguatkuasaan merupakan antara tonggak dan imej hadapan dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran dan membentuk sikap warga Putrajaya yang lebih prihatin serta patuh kepada undang-undang.

“Tindakan penguatkuasaan daripada bahagian Penguat Kuasa PPj merupakan elemen penting untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat supaya patuh kepada perundangan yang berkuat kuasa. Oleh itu, kerjasama dan komitmen yang tinggi daripada setiap kakitangan bahagian penguatkuasaan PPj adalah amat penting bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan menepati kehendak warga Putrajaya.

“Tugas yang dipikul adalah untuk menguatkuasakan undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan di kawasan Putrajaya di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974, Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan semua Undang-Undang Kecil yang diperuntukkan di bawah akta ini atau mana undang-undang penguatkuasaan,” ujar beliau.

Fauzi berkata Penguat Kuasa PPj memainkan peranan penting bagi memastikan keselamatan dan keamanan warga Putrajaya terjaga serta terjamin.



PENGUAT Kuasa PPj semasa melaksanakan Operasi Bersepadu dan Agensi Sahabat baru-baru ini. Foto: FARIS AZMI/PPj

“Penguat kuasa perlu sentiasa meningkatkan komitmen dan ketelusan dalam melaksanakan tugas yang diberikan melalui penguatkuasaan yang tegas dan berhemah selain penekanan kepada nilai integriti dan tatakelola yang baik dalam pentadbiran organisasi. Dalam masa sama, kami harus memberikan perkhidmatan terbaik dan berkualiti supaya menjadi contoh teladan kepada pihak lain.

“Pihak Penguat Kuasa PPj bertanggungjawab dalam menjalankan operasi seperti

Operasi Bersepadu dan Agensi Sahabat, Operasi Halangan Premis, Operasi Halangan Lalu Lintas, Operasi Rumah Sesak, Operasi Sisiran Tasik serta Operasi Banteras Aktiviti Haram (BAH) berdasarkan undang-undang yang telah diperuntukkan. Kami juga menguatkuasakan undang-undang terhadap kesalahan di bawah undang-undang Perbadanan Putrajaya sekali gus mengawal dan memastikan semua harta PPj berada di dalam keadaan baik dan selamat,” ujarnya.

Tambah beliau, pemantauan dan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan secara rutin bagi memastikan undang-undang dipatuhi dengan sepenuhnya.

“Antaranya kawalan aktiviti penjaja tanpa lesen, pemantauan bersama Unit Merinyu Bahagian Perlesenan, Pemantauan Ops Tasik (memancing), Pemantauan bersama Bahagian Kawalan Bangunan/Infra selain turut menerima, menyiasat dan menyelesaikan aduan berkaitan banjir kilat, demonstrasi, mengawasi tempat-tempat tumpuan orang


awam berkumpul dan sebagainya,” ujarnya.

Pada 21 Jun lalu, satu operasi bersepadu membanteras penjaja tanpa lesen atau lebih dikenali dengan panggilan ‘rambo’ dilakukan di sekitar Dataran Putra bermula pada pukul 4 petang sehingga 11:30 malam.

Beliau turut mengingatkan semua peniaga agar sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh PPj selain mendapatkan lesen yang sah untuk menjalankan perniagaan di dalam Putrajaya.

“Saya berharap peniaga yang ingin memulakan perniagaan atau sudah mempunyai perniagaan, mohonlah lesen untuk berniaga dan berniaga di tempat yang dibenarkan oleh pihak PPj demi kebaikan kita bersama.

“Saya juga ingin tegaskan bahawa kegiatan menjaja makanan tanpa lesen, menyewakan peralatan permainan tanpa kebenaran, berkumpul atau berhimpun secara besar-besaran tanpa permit atau beriadah membawa permainan bermotor di sekitar kawasan Dataran Putra adalah tidak dibenarkan sama sekali. Justeru, kami akan meneruskan pemantauan dan tindakan melalui penguatkuasaan yang tegas dan berhemah dari semasa ke semasa,” tegas beliau.

Terdahulu, pada tahun 2023, pihak PPj telah melaksanakan tindakan kompaun sebanyak 114 dan 25 sitaan ke atas penjaja tanpa lesen di Dataran Putra. Sehingga Mei 2024, sebanyak 49 kompaun dan 24 sitaan telah dikeluarkan ke atas penjaja tanpa lesen. 

Tuisyen percuma buat 100 pelajar SPM 2024

BAGI memastikan anak-anak Putrajaya tidak tercicir daripada mendapat pendidikan yang sempurna, pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) mengambil inisiatif menganjurkan program tuisyen khusus buat pelajar yang bakal menghadapi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2024.

Menurut Presiden PPj, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, penganjuran Program Tuition Mission Putrajaya bertujuan untuk memberi akses kemudahan pendidikan yang baik buat pelajar-pelajar SPM.

“Dilaksanakan buat julung kalinya pada tahun 2021, penganjurannya membuahkan impak yang positif berdasarkan keputusan SPM tahun 2023 di mana peserta daripada Program

Tuition Mission Putrajaya 2023 telah layak menerima sijil SPM.

“Pada tahun ini pula, seramai 100 orang pelajar dari sembilan buah sekolah menengah di Putrajaya telah terpilih sebagai peserta Program Tuition Mission Putrajaya 2024.

“Barisan tenaga pengajar pula terdiri daripada 16 orang guru berpengalaman merangkumi empat subjek teras SPM iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah,” ujar beliau.

Fadlun berkata program yang menyasarkan penyertaan pelajar daripada golongan kurang berkemampuan ini turut mengetengahkan objektif utama untuk meningkatkan potensi diri ke arah kecemerlangan lebih holistik.



SEBAHAGIAN pelajar dan guru yang terlibat dalam program tuisyen percuma.

“Sebelum kelas Tuition Mission Putrajaya 2024 bermula, para peserta program terlebih dahulu akan mengikuti sesi *ice breaking* dan seterusnya sesi Motivasi Kembara Ilmu dalam usaha meningkatkan keyakinan diri mereka.


“Selain daripada pembelajaran di dalam kelas, PPj juga akan mengadakan aktiviti-aktiviti di luar kelas seperti Explorace Tuition

Mission Putrajaya dan Lawatan Menara Gading ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) serta Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang terpilih,” ujar beliau.

Seterusnya, Fadlun berkata Kelas Tuition Mission Putrajaya akan dilaksanakan secara fizikal berpusat di Kompleks Kejurangan Presint 16.

“Kelas dijadualkan pada hujung

minggu setiap bulan bermula pada 2 Julai hingga 3 Disember 2024. Semoga program ini dapat membantu pelajar-pelajar yang akan menghadapi peperiksaan SPM yang akan datang,” ujar beliau.

Pada tahun ini Program Tuition Mission Putrajaya telah disenaraikan sebagai salah satu aktiviti di bawah Program Usaha Jaya Insan (PUJI) dalam komponen ILMU@PUJI. 

Pusat Latihan Kebangsaan dijangka siap 2027

Mercu tanda baharu bola sepak di Putrajaya

SABRINA SABRE

SKUAD bola sepak kebangsaan bakal mendapat infrastruktur latihan terbaik apabila Pusat Latihan Kebangsaan (NTC) di Presint 5, Putrajaya dijangka siap pada Disember 2027.

Presiden FAM, **Datuk Hamidin Mohd Amin** memaklumkan Projek NTC dengan kos keseluruhan RM69 juta itu merangkumi pembinaan dua fasa dengan Fasa 1 dibiayai Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA) berjumlah AS\$5.2 juta (kira-kira RM24 juta) manakala Fasa 2 menggunakan peruntukan RM45 juta daripada kerajaan menerusi Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

"Fasa 1 NTC dijadualkan siap menjelang Disember 2026 dan Fasa 2 menjelang Disember 2027.

"Fasa 1 Projek NTC yang dilaksanakan oleh syarikat tempatan RS Green Master (M) Sdn Bhd merangkumi pembinaan tiga padang bola sepak dengan jenis rumput berbeza iaitu rumput asli (Bermuda), hibrid dan tiruan serta dilengkapi lampu limpah sepenuhnya dan sistem saliran berkualiti, landskap serta pagar setinggi enam meter di sekeliling kawasan padang.

"Fasa 2 pula akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dengan tender dijangka dibuka pada September 2024 membabitkan pembinaan sebuah bangunan seluas 1,682.8 meter persegi merangkumi gimnasium,

ruang serba guna, bilik persalinan pemain, ruang rehabilitasi dan surau, selain pembinaan bumbung bagi padang rumput tiruan yang dibina pada Fasa 1," ujar beliau.

Selain itu, Hamidin berkata Projek NTC FAM bakal menjadi sebahagian daripada bandar bola sepak di Presint 5 yang turut dilengkapi ibu pejabat FAM dan Persekutuan Bolasepak ASEAN (AFF) serta sebuah stadium mini.

"Saya berharap apabila ibu pejabat baharu FAM yang turut dibina di Putrajaya ini siap, ia akan dapat membangunkan modal insan yang mahir dari segi pengurusan, teknikal, kepengadilan dan kejurulatihan.

"InsyaAllah dalam masa beberapa tahun lagi, kita dapat melihat mercu tanda baharu bola sepak Malaysia di pusat pentadbiran kerajaan Putrajaya," ujarnya.

Menurut Hamidin, Projek NTC itu merupakan manifestasi cetusan ilham bekas Presiden FAM, Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah yang telah lama berhasrat untuk mewujudkan satu hab bola sepak di Putrajaya yang merangkumi pusat pentadbiran dan juga latihan.

"Ketika Almarhum Tuanku menggalas tugas sebagai Presiden FAM, baginda berhasrat untuk mewujudkan sebuah pusat pentadbiran bersepadu yang menempatkan Konfederasi Bola

Sepak Asia (AFC), Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF) dan juga FAM dalam usaha mewujudkan hab bola sepak di rantau Asia.

"Selain Almarhum Tuanku, seorang lagi individu atau watak penting dalam merealisasikan pembinaan Projek NTC ini ialah Tan Sri Datuk Seri Dr Aseh Che Mat, individu yang paling lama berkhidmat di FAM yang mana beliau ketika ini merupakan Pengerusi Jawatankuasa Integriti FAM.

"Tan Sri Aseh yang bertanggungjawab mendapatkan tapak Projek NTC ini ketika beliau menjadi Presiden Perbadanan Putrajaya. Tanpa kedua-dua individu penting ini serta individu-individu lain yang turut sama membantu, pastinya agak sukar bagi FAM untuk menjadikan projek ini satu kenyataan," ujarnya.

Dengan pembinaan NTC ini, beliau berkata ia secara tidak langsung menjadi simbolik kepada pembangunan infrastruktur FAM yang telah dirancang sejak beberapa tahun lalu.

"Terima kasih sekali lagi kepada FIFA terutama Presidennya, Gianni Infantino atas sokongan penuh dan dana yang diberikan serta kepada Kerajaan Malaysia atas segala bantuan dan peruntukan yang diberikan kepada FAM.

"Saya berharap apabila siap dan terbina sepenuhnya NTC ini nanti, ia akan memberi nilai tambah




HAMIDIN (kanan) bersama Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh semasa Majlis Pecah Tanah NTC FAM di Presint 5, Putrajaya.

kepada seluruh anggota pasukan kebangsaan khususnya buat skuad senior Harimau Malaya dan skuad B-23 kebangsaan," ujarnya.

Sementara itu, Presiden FIFA, Gianni Infantino berkata beliau gembira kerana Program FIFA Forward memainkan peranan penting dalam bola sepak Malaysia kerana NTC akan menjadi mercu tanda untuk sukan itu di negara ini.

"Seiring dengan sokongan kerajaan Malaysia, tahniah sekali

lagi dan saya berharap untuk berpeluang melihat hasil semua kerja keras anda apabila melawat Malaysia nanti," ujarnya.

Menurut Laporan FIFA Foward Global yang dikeluarkan Disember tahun lalu, FIFA menetapkan sekitar RM12 billion (AS\$2.54 bilion) pelaburan dalam 211 persatuan anggotanya serta dalam enam konfederasi dan pelbagai persatuan zon/serantau untuk meningkatkan pembangunan bola sepak. 

SRAM bangga pencapaian skuad remaja

PERSATUAN Raket Skuasy Malaysia (SRAM) gembira dengan pencapaian membanggakan skuad negara di Kejohanan Skuasy Remaja Asia ke-31 di Islamabad, Pakistan meskipun koleksi pingat emas berkurangan berbanding pada edisi sebelumnya.

Pengarah Kejurulatihan SRAM, **Mej (B) S Maniam** berkata pencapaian di kejohanan yang berakhir pada 29 Jun itu patut diberi perhatian memandangkan peningkatan daya saing daripada pasukan bertanding terutama daripada tuan rumah, India, Hong Kong dan Jepun.

"Saingan bukan semakin mudah, ia semakin mencabar. Pasukan-pasukan Asia bermain dengan baik.

"Saya gembira kerana secara keseluruhannya kita telah lakukan lebih baik. Paling penting semua pemain di bawah program kita berjaya meraih podium, pada saya itu adalah pencapaian hebat mereka," ujar beliau.

Selain itu, Maniam berkata pencapaian di Pakistan menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai masa depan cerah dalam sukan skuasy untuk tempoh beberapa tahun akan datang.




NIKHILESWAR berjaya mempertahankan gelaran juara B-17 Asia buat kali kedua berturut-turut.

Terbaharu, Malaysia menamatkan kempen kejohanan remaja Asia itu dengan muncul pasukan terbaik keseluruhan dengan mengumpul tiga pingat emas, dua perak dan sembilan gangsa.

Mereka yang menyerlah ialah U. Thanussa yang beraksi dalam kategori bawah 19 tahun

perempuan, Nickhileswar (B-17 lelaki) dan Harleean Tan (B-15 perempuan) selepas meraih kejuaraan dalam kategori masing-masing.

Dua lagi pemain Harith Danial Jefri (B-19 lelaki) dan Raziq Putra Fakhur Razi (B-15 lelaki) masing-masing meraih pingat perak. 

Bertrand, Nur Shazrin pembawa Jalur Gemilang

PENERJUN negara, Bertrand Rhodict Lises dan atlet pelayaran, Nur Shazrin Mohamad Latif diberi pengiktirafan sebagai pembawa Jalur Gemilang pada upacara perasmian temasya Sukan Olimpik Paris 2024 pada 26 Julai ini.

Menurut Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), **Tan Sri Mohamad Norza Zakaria**, pemilihan kedua-dua atlet itu mewakili anggota kontinjen negara terdiri daripada atlet yang membuat penampilan sulung dan berpengalaman di pentas Olimpik.


"Selepas meneliti atlet yang disenarai pendek dan mengambil kira pelbagai faktor termasuk jadual pertandingan, Lembaga Eksekutif memilih Bertrand dan Nur Shazrin untuk membawa Jalur Gemilang semasa perarakan masuk atlet.

"Walaupun Bertrand dipilih berdasarkan

penampilan sulung, Nur Shazrin adalah atlet berpengalaman yang akan membuat penampilan ketiganya. Dalam meraikan masa depan, kami menerima masa kini," ujar beliau.

Bertrand, 19, merupakan atlet negara pertama layak secara merit ke Paris genap setahun lalu.

Kedua-duanya cemerlang pada Sukan Asia Hangzhou 2022 yang diadakan tahun lalu selepas Bertrand meraih pingat gangsa 10m platform seirama manakala Nur Shazrin pula meraih emas dalam acara dinghy, yang melayakkannya ke Paris.

Nur Shazrin, anak kelahiran Johor, pula membuat penampilan ketiganya di Sukan Olimpik selepas Rio 2016 dan Tokyo 2020 dan pelayar pertama diberi penghormatan membawa bendera semasa majlis pembukaan. 

Selebriti popular sahut seruan FDAM

KESEDARAN masyarakat terhadap kesihatan jantung masih di tahap rendah biarpun ia merupakan punca nombor satu kematian di seluruh dunia.

Walaupun ia tidak boleh dihalang namun kita masih punya harapan untuk mencegahnya menerusi amalan hidup sihat.

Menyedari peri pentingnya perkara tersebut, Program Hari Karya Lestari FDAM 2024 yang diadakan di Astaka, Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur, baru-baru ini, membuktikan semua pihak mengambil berat mengenai kepentingan kesihatan termasuklah karyawan seni.

Pengerusi Persatuan Pengarah Filem Malaysia

(FDAM), **Datuk Afdlin Shauki Aksan** berkata kebiasaannya ramai yang leka dengan rutin sehingga tidak peka dengan simptom yang menjadi penyebab serangan jantung.

“Buat mereka yang masih ingat, Seniman Agung Allahyarham Tan Sri P Ramlee meninggal dunia akibat serangan jantung.

“Saya kenal kawan-kawan saya kerana perangai saya pun sama seperti merokok dan mengambil kafein terlalu banyak,” katanya.

Menyahut seruan FDAM, barisan selebriti popular antaranya Alif Satar, Meerqeen dan Ezzaty Abdullah turut berkongsi tip mencegah penyakit jantung.

Bersenam cegah penyakit

ARTIS versatil, **Alif Satar** antara selebriti yang menjadi iku-tan ramai terutamanya golongan remaja dalam mengamalkan gaya hidup sihat.

Selain menganjurkan Subuh Macam Solat Jumaat, Alif sering berkongsi tip hidup sihat dengan mengamalkan senaman.

“Alhamdulillah, saya suka berkongsi perkara-perkara baik dan positif dalam media sosial. Mungkin dengan cara itu boleh menggalakkan lebih ramai di luar sana mengamalkan gaya hidup sihat.

“Gabungan senaman dan diet yang sihat merupakan cara terbaik untuk mengekalkan berat badan yang ideal. Seperti ramai sedia maklum, ia akan mengurangkan risiko anda untuk mengalami penyakit jantung.

“Bagi mereka yang baru mula nak bersenam, perkara ini amat bagus kerana kesedaran dari dalam diri itu sudah ada. Kemahuan itu yang penting.

“Tak kiralah berapa umur kita, tidak salah untuk mulakan senaman secara perlahan-lahan

mengikut kemampuan anda.

“Misalnya kalau anda mahu mulakan dengan jogging, buat perlahan-lahan. Tak perlu ikut orang lain kerana ia perlu sesuai dengan kemampuan diri. Apa yang penting adalah konsisten.

“Dari segi pemakanan pula, amalkan diet yang sihat juga mengikut kemampuan. Buat perlahan-lahan, jangan sampai memaksa diri,” ujarnya.



Kekalkan berat ideal

PELAKON popular **Ezzaty Abdullah** menyarankan agar kita semua sentiasa berusaha mengekalkan berat badan yang ideal.

“Mereka yang mempunyai berat badan berlebihan, apatah lagi semakin meningkat beratnya lebih berisiko untuk mengalami sakit jantung.

“Bukan itu sahaja, ia juga boleh menyebabkan anda menghidap hipertensi, kolesterol tinggi, diabetes dan penyakit-penyakit lain.

“Cara yang terbaik untuk menentukan sama ada anda mempunyai berat badan yang ideal ataupun tidak adalah dengan menggunakan kalkulator

BMI atau mendapatkan nasihat daripada doktor. Itu yang terbaik.

“Dalam usaha ke arah itu, kita boleh mengamalkan pemakanan yang sihat. Ambil lebih banyak sayur-sayuran, buah-buahan, kekacang dan protein daripada sumber tumbuhan untuk memperbaiki tekanan darah dan kadar kolesterol dalam badan,” ujarnya.

Tambah Ezzaty, elakkan pengambilan terlalu banyak gula kerana ia boleh meningkatkan risiko menghidap diabetes yang terbukti turut sama membuatkan seseorang lebih berkemungkinan untuk menghidap penyakit jantung.

Meerqeen kawal stres

BAGI pelakon yang popular menerusi drama Melur Untuk Firdaus, **Meerqeen**, stres merupakan antara penyebab serangan jantung.

“Kita perlu berusaha untuk mengurangkan stres kerana ia boleh membataskan kehidupan seharian sekali gus memberi kesan tidak baik kepada kesihatan jantung.

“Bila sebut tentang stres, rasanya ia sesuatu yang tidak dapat dielakkan kerana dalam kehidupan, kita ada tanggungjawab dan komitmen yang perlu diselesaikan.

“Tidak kiralah komitmen hari-hari atau mengikut jangka masa, yang pastinya kita tak boleh elak daripada stres. Kadang-kadang ada sahaja masalah atau ujian hidup yang pastinya mengganggu fikiran seterusnya mempengaruhi tingkah laku kita.

“Apabila stres, ia sebenarnya membataskan

kita untuk hidup secara sihat. Disebabkan itu, kita perlu mengawal stres itu dengan mendekati diri dengan Allah dan perbaiki hubungan kita dengan-Nya.

“Tidak ada manusia yang sempurna pun dalam dunia ini, apa yang boleh kita lakukan, selalulah muhasabah diri kerana ia sangat membantu mengawal tekanan.

“Dalam masa yang sama, luangkan masa bersama keluarga atau lakukan perkara yang kita minat selain pastikan mendapat rehat dan tidur yang berkualiti.

“Sibuk macam mana pun kita, waktu tidur perlu dijaga kerana mengikut kajian, mereka yang tidak cukup tidur amat berisiko untuk mengalami pelbagai penyakit antaranya sakit jantung, obesiti dan depresi,” tambahnya lagi.





Meerqeen kawal stres >>>23

SRAM bangga pencapaian skuad remaja >>>22

Risiko penipuan pengumpulan dana atas talian

Broker tertakluk ketetapan syariah

AZLAN ZAMBRY

UMAT Islam diseru untuk menjadikan Al-Quran dan Al-Sunnah Rasulullah SAW sebagai sumber ilmu pengetahuan sebelum membuat keputusan berhubung dengan pengumpulan dana.

Penasihat Syariah Sharlife Sdn Bhd, **Arham Merican** berkata prinsip utama dalam pengumpulan dana awam adalah pengurusan yang adil, berhemah dan berhati-hati berikutan ia dikawal dengan hukum syariah yang ketat.

"Pertamanya dana awam dalam Islam ada beberapa jenis antaranya dana sedekah, dana zakat, dana wakaf, dana anak yatim, dana kerajaan dan sebagainya selain ia termasuk dalam konteks hari ini di mana pengumpulan dan pengurusan dana awam ini dilakukan secara atas talian.

"Orang tengah dalam transaksi kewangan dibincangkan dalam undang-undang Islam di atas kontrak wakalah iaitu broker atau ejen.

"Dalam undang-undang Islam, broker dan ejen ini tertakluk kepada beberapa ketetapan syariah antaranya perlulah jelas apa tanggungjawab ejen yang dilantik itu dan sekiranya ada upah, kadar upah itu perlu dimaklum dan diberi izin oleh pemberi tugas atau penyumbang," katanya kepada *Wilayahku* pada Selasa.

Menjelang lanjut Arham berkata

dalam konteks masa kini, ia termasuk dalam situasi individu mewakili satu platform untuk menguruskan dana sedekah yang dikumpul daripada orang ramai.

"Platform itu harus jelas menyatakan kepada pemberi dana apa skop tanggungjawabnya, siapa yang terlibat dengan proses pengurusan termasuk mempengaruhi dan yang paling penting berapa kadar upah yang akan diambil atas pelaksanaan skop tanggungjawab tadi," katanya.

Menurut Arham dalam perbincangan syariah, upah atau disebut sebagai ujrah ini perlulah disepakati antara pemberi upah (penderma) dan platform kebajikan yang berperanan mengumpul dana dan mengagihkan dana kepada projek kebajikan.

"Platform tadi perlu jelas nyatakan berapa kadar upah termasuk upah kepada mempengaruhi kerana pemberi upah (penderma) perlu maklum dan bersetuju.

"Kadar upah biasanya digunakan untuk kos-kos pengurusan dan kos-kos ini jika bukan kos sebenar, ia perlulah tertakluk kepada kos pasaran, dibandingkan dengan kos pengurusan platform atau badan bukan kerajaan (NGO) lain yang membuat projek kebajikan yang lebih kurang sama. Tidak terlalu rendah dan tidak terlalu tinggi," katanya.

Beliau berkata mana-mana



BANYAK risiko penipuan apabila pengumpulan dana dibuat secara atas talian.

pihak yang menggunakan khidmat individu berpengaruh untuk mengutip dana awam adalah dibenarkan di dalam Islam kerana ia dapat membantu mempromosi kutipan dana dan projek kebajikan yang tentunya sangat memerlukan.

"Namun dalam isu ini, kadar upah itu perlu dinyatakan secara jelas kepada pihak penderma. Jika penderma setuju, maka tiada masalah. Termasuk kadar upah itu perlu munasabah dan mengikut kadar biasa pasaran.

"Dengan kemasyuran mereka lebih ramai masyarakat ingin menyumbang kepada projek kebajikan yang bagus dan ini akan akhirnya membantu mereka yang

memerlukan. Namun isunya pada ketelusan dan kejelasan aspek-aspek kaedah pengurusan dana awam tersebut

"Selain itu, ketetapan kontrak wakalah (broker/ejen), kadar upah yang jelas, keizinan pihak-pihak dalam kontrak, keredaan dalam termaktub dalam undang-undang Islam, namun ramai dalam kalangan masyarakat tidak tahu apatah lagi melaksanakannya. Jika semua dipatuhi, tentunya isu kurangnya ketelusan dapat diatasi," katanya.

Menurut Arham, banyak risiko penipuan selain kebaikan apabila pengumpulan dana dibuat secara atas talian.

"Risikonya adalah sesiapa sahaja tidak kira latar belakang dan niat mereka mampu membuat platform kutipan namun kebajikannya adalah akses kepada platform ini juga boleh pergi sejauh mungkin di mana lebih ramai dapat menyumbang kepada projek kebajikan yang bagus tidak kira di mana saja mereka berada.

"Cabarannya adalah bagaimana kita dapat memastikan platform itu satu platform yang diuruskan dengan mengikut undang-undang Islam dan penuh integriti. Ini tentunya memerlukan desakan dan audit berterusan daripada masyarakat awam supaya platform-platform seperti ini melaksanakan apa yang sepatutnya.

"Jika dirasakan adanya sebarang kecurangan, eloklah terus dilaporkan kepada pihak berkuasa," katanya.

Dalam pada itu, Arham berkata setakat ini ada beberapa Majlis Agama Negeri contohnya Perlis yang telah menyatakan hasrat untuk mengeluarkan panduan Islam untuk isu pengumpulan dana awam ini.

"Selain itu, antara panduan yang telah wujud dan meletakkan syarat-syarat kepada ejen seperti kadar upah yang jelas dengan kontrak wakalah adalah Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah Qurban oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), ini walaupun khusus tentang ejen korban tetapi boleh juga dijadikan panduan kepada ejen-ejen projek kebajikan lain," katanya. **17**



ARHAM



TEMUI KAMI DI KONVENSYEN FDAM 2024

RERUI NO: 184

6 JULAI 2024 ● 9 AM - 10 PM

FINAS HULU KELANG, SELANGOR



KONVENSYEN FDAM 2024